

# **PARLIMEN MALAYSI A**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian  
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARI SELASA : 8 MARCH 2011**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALANNO. 9 HINGGA 70)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**SIDEKSANI  
CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAN NO: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH**

**[DUNGUN]**

**TARIKH                    8 MAC 2011**

**SOALAN:**

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan pembangunan perkhidmatan Jalur Lebar Kelajuan Tinggi (HSBB) terutama oleh Telekom Malaysia Bhd (TM) atau Unifi khususnya bagi kawasan luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Melalui pelaksanaan Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), kesemua lapisan masyarakat sama ada di bandar, pinggir bandar dan luar bandar akan dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar. Di bawah NBI, dua kategori jalur lebar telah ditetapkan iaitu Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband* - HSBB) dan Jalur Lebar untuk Orang Awam

**SOALAN NO: 9**

(*Broadband for General Population - BBGP*).

Skop Projek i^SBB adalah untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar secara end-to-end merangkumi rangkaian akses (*last mile*), teras dan antarabangsa untuk penggunaan melebihi 10 Mbps di kawasan bandar dan kawasan aktiviti ekonomi berimpak tinggi.

Bagi kawasan pinggir dan luar bandar pula, akan disediakan liputan Jalur Lebar untuk Orang Awam (*Broadband for General Population - BBGP*) berkelajuan sehingga 2Mbps melalui perkhidmatan jalur lebar berwayar dan tanpa wayar. Dalam hubungan ini, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi memperluaskan capaian Internet jalur lebar. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan ialah Program Kampung Tanpa Wayar (WiFi), Program Pengagihan Netbook 1 Malaysia, Projek Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) dan pembinaan menara telekomunikasi di kawasan- kawasan yang kurang liputan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUANCHOW KON YEOW  
[ TANJONG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 08 MAC 2011 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 10**

**SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan**

**HO: 10**

berapa jumlah kediaman di negeri Pulau Pinang yang belum lagi disambung kepada sistem rawatan kumbahan utama dan sekunder. Adakah Kementerian berpuas hati bahawa kumbahan yang tidak dirawat tidak mencemari sungai-sungai dan laut dan apakah langkah-langkah yang akan diambil.

**TAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, peratusan bilangan kediaman dan premis yang tidak bersambung ke loji-loji rawatan kumbahan utama dan sekunder di Pulau Pinang dianggarkan berjumlah 11,265 buah premis iaitu bersamaan 4.9% di bahagian pulau manakala



di Seberang Perai pula dianggarkan berjumlah 58,385 buah premis iaitu bersamaan 23.8%.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian sedia maklum bahawa kumbahan yang tidak dirawat dengan sempurna akan turut mencemarkan alam sekitar termasuk sungai-sungai serta kawasan sumber air serta yang paling penting adalah terdedah kepada risiko gangguan kesihatan awam.

Menyedari hakikat itu, usaha sedang giat dijalankan untuk menyambung premis-premis sama ada ke sistem rawatan kumbahan utama atau sekunder di seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. membangunkan sistem rawatan kumbahan berpusat dan rangkaian paip pembetungan bersambung mengikut kawasan tадahan yang berkaitan; dan
- ii. menaik taraf dan membaik pulih sistem pembetungan awam sedia ada secara berperingkat-peringkat supaya kesemua loji rawatan kumbahan berfungsi dengan melepaskan efluen mengikut piawaian yang ditetapkan.

Pada masa yang sama, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah pencemaran tersebut melalui pengawalseliaan mantap terhadap perkara-perkara berikut:

- i. pemantauan yang ketat terhadap operator loji-loji awam dan persendirian supaya kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan kualiti efluen yang dihasilkan mematuhi standard yang telah ditentukan;
- ii. mewujudkan kesedaran dan sikap tanggung jawab terhadap kepentingan untuk melaksanakan penyelenggaraan tangki septik berjadual melalui kempen kesedaran kepada orang awam; dan
- iii. memastikan pemasangan tangki septik yang menepati standard yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Sistem rawatan kumbahan yang efektif akan membantu pemeliharaan alam sekitar. Penjagaan alam sekitar adalah tanggung jawab semua pihak. Oleh itu, bagi premis yang telah bersambung ke sistem rawatan kumbahan awam, pengguna perlu menjelaskan caj yang telah dikenakan oleh operator di kawasan masing-masing. Bagi yang masih menggunakan tangki septik individu, pemilik premis perlu menjalankan nyah enap cemar sekurang-kurangnya sekali dalam 3 tahun. Bagi yang masih menggunakan tandas curah dan traditional, pemilik premis amat disarankan menukar ke tangki septik individu.

\*\*\*\*\*

## **SOALAN NO: 11**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI

**TARIKH:** 8 MAC 2011

**SOALAN:**

Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sejauh manakah pelaksanaan gaji minimum RM700 bagi lebih 100,000 pengawal keselamatan yang sepatutnya bermula pada 1 Januari 2011.

PR-000-L41548

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Mininum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Semenanjung Malaysia) 2011 telah diwartakan pada 14 Februari 2011 dan mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2011 di Semenanjung Malaysia. Penghitungan saraan minimum berkanun yang diperintahkan mengikut kawasan-kawasan tertentu adalah seperti jadual berikut:

Kawasan (1)	Saraan Minimum Berkanun (2)	
	Gaji Pokok	Elaun Insentif Keselamatan
Kawasan A - Negeri Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Johor Selatan ( Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulaijaya dan Pontian)	RM 550 sebulan	RM 150 sebulan
Kawasan B - Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Terengganu, dan Johor Utara ( Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar, Ledang dan Segamat)	RM 500 sebulan	RM 100 sebulan
Kawasan C - Negeri Kedah, Kelantan dan Perlis	RM 450 sebulan	RM 50 sebulan

2. Bagi Sabah dan Sarawak pula, pelaksanaan Perintah Peraturan Gaji bagi Pengawal Keselamatan Swasta akan dilaksanakan kemudian setelah mendapat persetujuan Ahli-Ahli Majlis Penetapan Sabah dan Sarawak.
3. Berhubung dengan peruntukan menampung gaji pokok minimum pengawal keselamatan, Kementerian Kewangan menerusi surat bertarikh 29 Disember 2010 telah memperuntukkan sebanyak RM 270 juta bagi menampung kos kenaikan gaji pokok minimum pengawal keselamatan.
4. Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Kerja akan membuat penguatkuasaan ke atas perintah pelaksanaan gaji minimum ini.

<ml7Mac-7ApriCII> Luis...222.11/SamC41S48



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
TARIKH	8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan Kerajaan untuk membentuk Suruhanjaya Economic Governance untuk menambahtinggikan prestasi pengurusan ekonomi supaya menarik pelabur-pelabur ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mempunyai beberapa mekanisme bagi memantau dan mengurusan ekonomi negara, iaitu seperti berikut:

Pertama, Kerajaan telah menujuhkan Majlis Ekonomi dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri sendiri. Majlis ini bertindak sebagai sebuah badan perundingan tertinggi bagi membantu Kerajaan membuat keputusan dasar (*big, bold and fast result*) dalam pelbagai bidang ekonomi dengan tumpuan kepada isu-isu strategik. Sehubungan itu, Majlis Ekonomi akan bersidang setiap minggu bagi memastikan pelaksanaan keputusan-keputusan Majlis Ekonomi dapat dilaksanakan dengan segera dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Kedua, Kerajaan juga telah menujuhkan sebuah Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Y.B Dato' Seri Mustapha Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Y.B Senator Dato' Seri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tujuan utama Jawatankuasa pelaburan ini ialah memantau dan

mengubal strategi bagi meningkatkan pelabur swasta terutama bagi menggalak dan menarik pelabur domestik dan pelabur asing supaya membuat pelaburan di negara ini.

Ketiga, Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) merupakan jawatankuasa di peringkat pegawai tertinggi Kerajaan, berperanan untuk mengkaji dan menimbang serta membuat perakuan ke atas dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara sebelum perkara tersebut dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap 2 minggu dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Keempat, Kerajaan juga telah menujuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Negara dan Presiden Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk mengkaji, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, strategi dan prosedur ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam terutamanya bagi memperkuuhkan daya saing Malaysia.

Sehubungan itu, saranan oleh Ahli Yang Berhormat Klang supaya Kerajaan menujuhkan Suruhanjaya Economic Governance adalah tidak perlu memandangkan mekanisma yang sedia ada sudah cukup bagi menambahbaik prestasi pengurusan ekonomi agar dapat menarik pelabur-pelabur ke Malaysia.

## SOALAN13

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA
DARI PAD	N
A	Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
	[ SIPITANG ]
TARIKH	8 MAC 2011
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Berapa banyak bilangan inap desa (homestay) tidak berdaftar (palsu) di negara ini dan jumlah yang berdaftar dengan Kementerian.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Homestay melibatkan masyarakat kampung secara berkumpulan, iaitu perlu mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah bagi setiap *cluster* Homestay (dengan izin), di mana para pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha Homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup sehari-hari masyarakat kampung dan kebudayaan mereka.

Mengikut Garis Panduan Pendaftaran Homestay, sebelum berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, setiap pengusaha homestay tersebut perlu:

- i. Lulus pemeriksaan rumah yang diselia oleh Kementerian Pelancongan melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPLN) dengan kerjasama:
  1. Jabatan Kesihatan;

2. Tourism Malaysia;
  3. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK);  
dan
  4. Persatuan Homestay Negeri.
- ii. Menghadiri Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemahiran Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau pihak PKPLN.

Setelah itu, para pengusaha Homestay tersebut akan diberikan sijil pendaftarandan akan dipasangkan dengan plak yang mengandungi logo Homestay di rumah-rumah yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

Homestay yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan adalah terdiri daripada individu atau syarikat yang menggunakan istilah Homestay dan menawarkan perkhidmatan rumah penginapan yang terdiri daripada;

- (i) rumah-rumah kosong di kampung atau kawasan perumahan di bandar yang lebih berkonsepkan kepada rumah tumpangan;
- (ii) rumah kedai yang menawarkan perkhidmatan penginapan seperti "*bed and breakfast*" (dengan izin) atau bajet hotel;
- (iii) *resort* atau c/?a/ef(dengan izin) di tempat-tempat pelancongan; dan
- (iv) rumah-rumah persendirian di kawasan-kawasan bandar.

Bermula daripada April 2010 sehingga 31 Januari 2011, Kementerian Pelancongan melalui pejabat-pejabat negeri telah melaksanakan pemantauan dan mengenal pasti sebanyak 368 buah Homestay yang tidak berdaftar dengan Kementerian ini di seluruh Malaysia.

Mengikut rekod Kementerian Pelancongan, sehingga 31 Januari 2011, sebanyak 144 c/usterHomestay (dengan izin)telah berdaftar dengan Kementerian ini yang merangkumi 3,113 buah rumah yang menawarkan 4,222 buah bilik.

**SOALAN NO.: j**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A Y.B. TUANMOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**

**KAWASAN JERAI**

**TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah keseluruhan kutipan tol lebuh raya bagi tempoh 2008 hingga 2010 mengikut syarikat-syarikat konsesi dan nyatakan jumlah pulangan kepada Kerajaan Malaysia dari kutipan tol tersebut.**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol keseluruhan bagi 27 buah lebuh raya yang sedang beroperasi di negara ini bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 ialah sebanyak RM11.556 bilion. Manakala jumlah perkongsian hasil tol antara Kerajaan dan syarikat konsesi bagi tempoh yang sama ialah sebanyak RM29.46 juta, iaitu merujuk kepada Konsesi Jambatan Pulau Pinang oleh Penang Bridge Sdn. Bhd. (PBSB) yang

## JAWAPAN

mempunyai klausula Perkongsian Hasil Tol dengan Kerajaan.

Maklumat pecahan hasil kutipan tol mengikut lebuh raya dan tahun operasi (2008 -2010) ialah seperti berikut:

BIL	LEBUHRAYA	TAHUN (RM JUTA)			JUMLAH (RM JUTA)
		2008	200?	2010*	
1.	<b>Lebuhraya Utara - Selatan (PLUS)</b>	<b>1,894.02</b>	<b>2,006.85</b>	<b>2,172.28</b>	6,073.15
2.	<b>Lebuhraya Seremban Port - Dickson</b>	<b>17.93</b>	<b>19.07</b>	<b>20.07</b>	57.07
3.	<b>Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)</b>	<b>196.81</b>	<b>213.53</b>	<b>233.99</b>	644.33
4.	<b>Jambatan Pulau Pinang (PBSB)</b>	<b>142.71</b>	<b>144.55</b>	<b>160.41</b>	447.67
5.	<b>Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (MTD)</b>	<b>135.27</b>	<b>142.15</b>	<b>149.36</b>	426.78
6.	<b>Lebuhraya Cheras - Kajang (Grand Saga)</b>	<b>68.59</b>	<b>70.90</b>	<b>78.40</b>	217.89

BIL	LEBUHRAYA	TAHUN (RM JUTA)			JUMLAH (RM JUTA)
		2008	2009	2010*	
7.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	182.44	191.63	209.09	583.16
8.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	52.75	41.86	38.22	132.83
9.	Lebuhraya Butterworth - Kulim (BKE)	34.21	35.48	38.71	108.40
10.	Lebuhraya Damansara -	256.94	262.49	268.05	787.48
11.	Lebuhraya Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)	81.95	90.21	100.47	272.63
12.	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia - Singapura (LINKDUA)	98.64	98.54	106.81	303.99
13.	Lebuhraya Bertingkat Ampang ■ Kuala Lumpur (PROLINTAS)	31.60	30.16	29.22	90.98
14.	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)	34.12	35.75	37.89	107.76
15.	Lebuhraya Jalan Dan jejambat Kuala Lumpur (METRAMAC)	53.85	54.48	56.01	164.34
16.	Lebuhraya Pantai Baru (NPE)	73.68	73.53	80.09	227.30
17.	Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK)	35.06	40.25	47.34	122.65
18.	Lebuhraya Pantai Timur (LPT)	96.19	106.75	117.43	320.37
19.	Lebuhraya Shah Alam - Kuang	24.31	26.96	30.49	81.76
20.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	13.15	13.62	15.17	41.94
21.	Lebuhraya Tebatan Banjir Kuala Lumpur (SMART)	18.05	21.15	21.95	61.15
22.	Lebuhraya KI-Putrajaya (MEX)	31.05	43.57	53.30	127.92

BIL	LEBUHRAYA	TAHUN (RM JUTA)			JUMLAH (RM JUTA)
		2008	2009	2010*	
23.	Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)	1.25	9.74	25.27	36.26
24.	Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE)	Belum Beroperasi	33.93	62.81	96.74
25.	Lebuhraya Senai-Desaru (SDE)	, Beluni Beropera	2.28	10.70	12.98
26.	Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE)	Belurri Beroperasi		2.79	2.79
27.	Lebuhraya Kemuning-Shah	= Belum Beroperasi		6.26	6.26
JUMLAH KESELURUHAN		3,574.57	3,809.43	4,172.58	11,556.58

\* Belum diaudit

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga menerusi Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) turut menerima pendapatan secara langsung dan tidak langsung melalui penetapan Cukai Korporat dan Cukai Pendapatan serta faedah ke atas Pinjaman Mudah Kerajaan terhadap syarikat-syarikat konsesi lebuh raya yang terlibat pada setiap tahun. Maklumat mengenai jumlah pendapatan, faedah dan insentif cukai ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM :  
15 NO. AUP :  
*ft*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN NEGARA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK RAIME BIN UNGGI</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3334</b>
<b>TARIKH</b>	<b>8 MAC 2011</b>
<b>SOALAN:</b>	

Datuk Raime Bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu agensi pembantu rumah yang melakukan aktiviti tidak bermoral seperti ‘recycle Maid’ untuk mengaut keuntungan sebanyak 4 kali dalam setahun bagi seorang pembantu rumah.

|

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembantu Rumah Asing dibenarkan untuk bertukar majikan sekali sahaja sepanjang tempoh kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang telah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

**JAWAPAN:**

- i) Permohonan PRA masih berada dalam tahun pertama perkhidmatan dengan majikannya;
- ii) PRA tidak berada dalam proses untuk dihantar pulang (*Check Out Memo*) atau telah disenaraihitamkan; dan
- iii) PRA tidak pernah bertukar majikan sebelum ini.

Sehubungan dengan dakwaan oleh Yang Berhormat Tenom berhubung terdapatnya isu agensi Pembantu Rumah Asing melakukan aktiviti ‘recycle maid’ melebihi daripada satu (1) kali, Jabatan Imigresen Malaysia setakat ini belum pernah menerima sebarang aduan berhubung perkara ini.

Namun begitu, sekiranya aktiviti ini berlaku, Jabatan Imigresen Malaysia akan mengambil tindakan dengan menyenaraihitamkan agensi Pembantu Rumah Asing tersebut.

*fdo: (to*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT BAGI**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL KEEMPAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>:</b>	<b>Jawab Lisan</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>:</b>	<b>Dato- Kamarudin bin Jaffar</b>
		<b>(Tumpat)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>Selasa, 8 Mac 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>:</b>	<b>Dato' Kamarudin bin Jaffar minta</b>
<b>(PR-000-L42828)</b>	<b>:</b>	<b>M ENTER! LUARNEGERI menyatakan</b>
		<b>peranan<sup>2</sup> Malaysia dalam menyelesaikan</b>
		<b>krisis Selatan Thailand dan setakat</b>

manakan pencapaiannya.

1

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

Sebagai jiran terdekat dan rakan ASEAN, Malaysia sentiasa memainkan peranan konstruktif untuk menyumbang kepada usaha-usaha kearah keamanan di selatan Thailand dengan sebaik-baiknya dan secara bersama dengan Kerajaan Thailand.

Peranan tersebut dimainkan melalui mekanisme dua hala Malaysia dan Thailand yang sedia ada, iaitu melalui rangka Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) dan juga Mesyuarat, dengan izin, *Joint Development Strategy for Border Areas* (JDS). Di samping itu, isu ini juga terus dibincangkan oleh pucuk pimpinan tertinggi Malaysia dan Thailand dalam pertemuan berkala mereka.

Semasa lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Bangkok dan Narathiwat pada Disember 2009, isu ini telah dibincangkan dan beliau telah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menghulurkan bantuan mengikut kemampuan sekiranya diminta oleh Kerajaan Thailand. Kerajaan Malaysia juga sentiasa komited untuk membantu Kerajaan Thailand mendapatkan penyelesaian secara aman bagi masalah di selatan Thailand di atas semangat kerjasama dan integrasi ASEAN.

Tuan Yang Di Pertua,

Dari segi pencapaian usaha-usaha Malaysia ini pula, sukacita saya memaklumkan bahawa peranan Malaysia melalui kedua-dua mekanisme JCM dan JDS setakat ini telah berjaya mencapai kejayaan seperti pengambilan pelajar-pelajar selatan Thailand untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia, pemberian latihan vokasional kepada belia-belia selatan Thailand, projek pembinaan Jambatan Persahabatan menghubungkan Bukit Bunga, Kelantan dengan Buketa di Narathiwat, Thailand yang mana semua usaha-usaha ini telah berjaya membawa pembangunan sosio-ekonomi kepada penduduk di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON</b>
<b>[ TANGGA BATU ]</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>8 MAC 2011 (SELASA)</b>

**SOALAN:**

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah rasionalnya melantik seorang yang bukan warganegara sebagai pemegang jawatan penting dan kritikal di dalam syarikat telekomunikasi negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan pegawai ekspatriat atau pegawai dagang adalah satu langkah strategik bagi Telekom Malaysia untuk terus berdaya saing di dalam industri telekomunikasi negara yang mempunyai persaingan yang sengit. Pegawai ekspatriat mempunyai pengalaman yang luas berkhidmat di dalam industri telekomunikasi global dan pelantikan pegawai ekspatriat adalah sejajar dengan usaha untuk menjadikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) lebih berdaya saing

**SOALAN NO. : 18**

dan kompetitif.

**SOALAN NO. :19**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN  
AB KADIR (KUALA KRAI)**

**8 MAC 2011**

**TARIKH**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan secara terperinci nilai dan status projek luar bandar di Sarawak dan nama kontraktor yang melaksana bagi projek dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10).



## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) diberikan mengikut *Rolling Plan* bagi setiap dua tahun sekali. Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 iaitu bagi tahun 2011 - 2012, peruntukan yang disediakan untuk program pembangunan KKLW ialah sebanyak RM13 billion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.5 billion iaitu 32.88% adalah untuk negeri Sarawak. Peruntukan ini membolehkan KKLW merancang untuk melaksanakan sebanyak lebih kurang 800 projek yang merangkumi projek Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Projek Jalan Perhubungan Desa dan lebih kurang 6,000 unit bagi Program Bantuan Rumah (PBR).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, nama-nama kontraktor dan nilai kontrak berkaitan adalah ditentukan berdasarkan kepada pemilihan melalui sistem perolehan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**                           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**                           **DATO SRI DR. ABDULLAH BIN MD.ZIN**  
**TARIKH**                              **8 MAC 2011 (SELASA)**  
**SOALAN**  
Dato Sri Dr. Abdullah bin Md. Zin [ Besut ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah langkah-langkah yang akan  
diambil bagi mengatasi masalah pelajar-pelajar Malaysia di Mesir, yang  
terpaksa menangguhkan pengajian setelah dibawa pulang, sekiranya  
krisis politik di Mesir terus berlanjutan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengesahkan  
bahawa keadaan di Mesir kini telah pulih dan para pelajar boleh  
kembali meneruskan pengajian mereka di sana.

Untuk tujuan itu, para pelajar perlu mendaftarkan nama dengan  
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terlebih dahulu sebelum berlepas  
pulang ke Mesir melalui pautan di laman web  
<http://iDt.mohe.gov.mv/mesir>. Bagi memudahkan pelajar mendapatkan  
maklumat terkini, KPT ada menyediakan talian *careline* 1-800-88-6365  
yang beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat

bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Selain itu, KPT juga turut menyediakan kemudahan khidmat pesanan ringkas (SMS) melalui nombor telefon **014-7151556** atau email [pelaiarmesir@mohe.gov.mv](mailto:pelaiarmesir@mohe.gov.mv) bagi diajukan sebarang pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan satu Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh pelajar. Wakil KPT telah pergi ke Mesir bermula 18 hingga 26 Februari 2011 untuk membincang dan mendapatkan satu keputusan bagi perlanjutan tempoh pengajian universiti di Mesir.

Perbincangan wakil KPT dengan universiti-universiti di Mesir telah memutuskan bahawa pelajar-pelajar Malaysia dibenarkan mendaftar di antara tempoh 12 Mac hingga 8 April 2011 bergantung kepada tarikh yang ditetapkan oleh universiti masing-masing.

Soalan No : 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
TARIKH	8.03.2011

**SOALAN:**

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian telah meluluskan permohonan tanah oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Confucius di Sentul demi pemindahan sekolahnya. Apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah lebih Sekolah Menengah Kebangsaan Cina untuk mengatasi peningkatan permintaan sekolah menengah Cina di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Namun, berhubung dengan perpindahan sekolah, dasar KPM mengenai perpindahan sekolah adalah jelas iaitu, sekolah yang diluluskan perpindahan disyaratkan mencari tapak sendiri (bukan rizab pendidikan) dan membina bangunan mereka sendiri.

KPM telah meneliti permohonan tapak bagi cadangan permindahan sekolah tersebut dan mendapati bahawa tanah yang dipohon oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sekolah tersebut merupakan tapak rizab pendidikan

yang telah dicadangkan untuk pembinaan sekolah kebangsaan. Sehubungan itu, perbincangan mengenai pemindahan sekolah ini masih belum selesai kerana sebarang keputusan mengenai perkara tersebut perlu merujuk kepada dasar dan peraturan semasa Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sekolah menengah kebangsaan (SMK) adalah untuk semua murid tanpa mengira kaum. Kerajaan akan membina SMK baru serta menambah bilangan bilik darjah di sekolah sedia ada untuk menampung peningkatan bilangan murid di sesuatu kawasan.

Rjm 01

**SOALAN NO.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. DATO' DATUK DR.  
MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD**

**KAWASAN** **MUKAH**

**TARIKH** **8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD (MUKAH)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan untuk pembinaan Jalan Persekutuan yang telah diagihkan dalam Rancangan Malaysia ke 7, 8 dan 9 untuk Negeri Sarawak dan berapa panjang jalan yang telah disiapkan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dari RMKe-7 hingga RMKe-10 Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.5 bilion secara keseluruhan untuk melaksanakan projek-projek yang melibatkan pembinaan dan menaik taraf Jalan Persekutuan di Negeri Sarawak, melibatkan jarak panjang keseluruhan Jalan Persekutuan melebihi 1,300 kilometer. Maklumat pecahan peruntukan Rancangan Pembangunan

Malaysia 5 Tahun,

Kementerian Kerja Raya untuk Negeri Sarawak ialah seperti berikut:

Rancangan Pembangunan Malaysia 5 Tahun	
RMKe-7 (1996-2000)	0.804 bilion
RMKe-8 (2001-2005)	2.481 bilion
RMKe-9 (2006-2011)	2.577 bilion
RMKe-10 (2011-2012)	*0.634 bilion
	Sumber : JKR

\* Untuk Tempoh Separuh Penggal Pertama RMKe-10 (2011-2012)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan Kementerian Kerja Raya yang diluluskan untuk Negeri Sarawak dalam tempoh RMKe-10 ialah merujuk kepada Tempoh Separuh Penggal Pertama (2011-2012) sahaja, di mana kebanyakan dari projek yang terlibat masih dalam peringkat reka bentuk dan kerja-kerja awalan seperti proses pengambilan balik tanah.

Sehubungan itu peruntukan yang lebih besar dijangka akan diperoleh untuk Negeri Sarawak dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja fizikal projek.

Di samping itu, terdapat juga peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah kementerian dan agensi-agensi lain bagi tujuan meningkatkan aksesibiliti jalan-jalan perhubungan, khususnya di kawasan luar bandar Negeri Sarawak. Ini termasuk projek-projek jalan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Di samping itu, Negeri Sarawak juga turut menerima Peruntukan Khas Sabah dan Sarawak di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk pembangunan program Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE), termasuk bagi tujuan pembinaan rangkaian jalan raya dalam kawasan koridor berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**NO. AUM**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED  
MOJILIP BUMBURING [ TUARAN ]**

**TARIKH 8 MAC 2011**

**RUJUKAN 3335**

**SOALAN:**

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan lanjut yang dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas memorandum bertarikh 14hb Disember 2010 mengenai dengan IC Projek di Sabah yang saya telah sampaikan kepada Kementerian pada bulan Disember yang lalu.  
Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas

## **JAWAPAN**

keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan ini dan telah menyediakan memorandum yang komprehensif serta berharga dengan mengambil masa dan tenaga untuk menyediakannya.

Setelah kajian dijalankan ke atas memorandum tersebut, didapati ianya melibatkan isu-isu keselamatan dan kewarganegaraan. Maka, Kementerian memerlukan sedikit masa lagi untuk menjalankan siasatan menyeluruh bagi mengumpulkan maklumat yang berkaitan untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua,

Sekiranya terbukti berlaku penyelewengan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dan akan mengambil tindakan tegas berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]
TARIKH	8 MAC 2011 ( SELASA )
SOALAN	Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan melalui saluran mana YAB. Perdana Menteri memperolehi maklumat email, nombor telefon bimbit peribadi warga Malaysia untuk menghantar Salam 1 Malaysia sempena menyambut sesuatu perayaan. Nyatakan kos, jumlah mesej serta tidakkah ia melanggar prinsip perlindungan maklumat peribadi.

### **JAWAPAN:**

Inisiatif penyampaian mesej perayaan Tahun Baru Cina YAB Perdana Menteri pada tahun ini kepada rakyat Malaysia yang menyambut perayaan tersebut menggunakan

No. SOALAN: 23

perkhidmatan pesanan ringkas SMS & e-mel adalah sebahagian dari usaha berterusan pentadbiran ini bagi mengukuhkan perpaduan nasional serta memelihara hubungan rapat rakyat dan kerajaan selaras dengan gagasan pemandu “1 Malaysia Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan”. Inisiatif ini membolehkan ini telah membolehkan beliau selaku Ketua Kerajaan dapat secara langsung berkongsi kegembiraan dengan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum yang meraikan perayaan masing-masing dengan menggunakan perantaraan media yang bersifat popular dan meluas.

1. Perantara dan Pengkalan Data

(a) SMS

Ucapan ringkas peribadi YAB Perdana Menteri telah dihantar kepada empat juta (4,000,000) rakyat Malaysia dengan kerjasama daripada tiga (3) syarikat telekomunikasi utama seperti yang berikut:

- (i) Digi.Com Berhad

|

- (ii) Maxis Berhad
- (iii) Celcom Berhad

Tiada sebarang kos yang dikenakan oleh ketiga-tiga syarikat yang tersebut diatas. Ucapan YAB Perdana Menteri disebarluaskan dalam rangka memenuhi tanggungjawab sosial syarikat.

Mesej yang telah dirangka telah dihantar terus kepada ketiga-tiga syarikat telekomunikasi untuk sebaran. Pihak Pejabat Perdana Menteri telah memastikan prinsip perlindungan maklumat peribadi dipatuhi tanpa kecuali disamping terma dan syarat syarikat telekomunikasi dihormati sepenuhnya, ingin ditegaskan bahawa pada sebarang masa dan pada setiap tahap proses penghantaran mesej ini Pejabat Perdana Menteri tidak sesekali pernah mempunyai akses kepada sebarang maklumat yang bersifat peribadi kepada penerima.

(b) Email

Ucapan peribadi YAB Perdana telah dihantar kepada sejuta dua ratus lima puluh lima ribu lima ratus dua puluh lapan (1,255,528) penerima rakyat Malaysia. Alamat email ini telah dikumpulkan melalui tiga (3) pengkalan data seperti yang tersebut dibawah :

- (i) Media Prima Berhad
- (ii) Kementerian Pengajian Tinggi
- (iii) Laman web peribadi YAB Perdana Menteri  
[www.1Malaysia.com.mv](http://www.1Malaysia.com.mv)

Kos yang dikenakan adalah berjumlah Ringgit Malaysia Lima Sen (RM0.05) setiap satu email. Dengan kos yang begitu minima menggunakan cara ini YAB Perdana Menteri telah dapat mendekati lebih sejuta rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama. Ucapan ini adalah sama seperti ucapan yang dihantar melalui kad ucapan konvensional.

Bagi menghormati prinsip perlindungan maklumat peribadi dan terma dan syarat ketiga-tiga pengkalan data, YAB Perdana Menteri tidak mempunyai akses kepada data-data peribadi. Kesemua email telah dihantar setelah kesemua syarat dan terma diteliti dengan sepenuhnya dari ketiga-tiga pengkalan data untuk memastikan prinsip perlindungan peribadi tidak dilanggar.

Dibawah adalah syarat “Berkongsi Data Dengan Pihak Ketiga” untuk pengkalan data bagi Media Prima Berhad:

- o Data peribadi tidak boleh dijual, disewa atau dikongsikan dengan pihak ketiga selain yang tertera di dalam Polisi Privasi
- o Media Prima Berhad Berhak , jika perlu, menggunakan data peribadi (termasuk alamat email dan nombor telefon) untuk berkongsi maklumat yang berkenaan dengan produk, servis atau promosi dari pihak Media Prima Berhad dan pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu

Adalah jelas seperti yang tersebut diatas, ucapan Selamat Tahun baru Cina YAB Perdana Menteri tidak melanggar sebarang Polisi Privasi syarikat. Didalam konteks ini, YAB Perdana Menteri telah diklasifikasikan sebagai “pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu”

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SPUT]**

**TARIKH : 8 MAC 2011**

**SOALAN :**

**DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SPUT] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kos membeli nyamuk *Aedes* GM daripada syarikat**

SOALAN: 25

Oxitec dan nama syarikat Malaysia yang dikenal pasti untuk menguruskan perolehan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kajian ini masih lagi di peringkat awal dan kajian usaha sama masih lagi diteruskan. Oleh itu, sehingga kini tiada penglibatan kos untuk membeli nyamuk GM (*Aedes aegypti* OX513A strain). Nyamuk GM (*Aedes aegypti* OX513A strain) ini masih belum boleh digunakan untuk tujuan pengawalan *Aedes aegypti* di lapangan sehingga keberkesanannya terbukti secara saintifik.

1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A YB. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE  
(SETIU)

TARIKH AKHIR 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanan program e-Kasih dalam menentukan kedudukan rakyat negara ini yang miskin dan termiskin dan berapa ramaikah rakyat termiskin/miskin tegar dan rakyat miskin

mengikut negeri setakat akhir tahun 2010.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sistem e-Kasih adalah merupakan satu pangkalan data kemiskinan nasional yang mendaftarkan maklumat rakyat yang miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Ia juga merekodkan perubahan status Ketua Isi Rumah (KIR) berdasarkan kepada formula pendapatan perkapita. Ia bukanlah satu Program Pembasmian Kemiskinan. Sehingga 31 Disember 2010, berdasarkan kepada Sistem e-Kasih bagi data yang dikunci pada

|

Oktober 2009 (Fasa 1 dan 2), terdapat sebanyak 2492 miskin tegar daripada 51009 dan 79147 miskin daripada 67033 yang didaftarkan di seluruh negara.

Pembahagian kategori miskin tegar dan miskin sehingga 31 Disember 2010 mengikut negeri adalah seperti berikut:

SOALAN: 25

NO.	NEGERI	MISKIN TEGAR (30 NOVEMBER 2009)	MISKIN TEGAR (31 DISEMBER 2010)	MISKIN (30 NOVEMBER 2009)	MISKIN (31 DISEMBER 2010)
1.	JOHOR	1502	9	2547	1,814
2.	KEDAH	2170	2	■■■■■	3,685
3.	KELANTAN	4349	7	7629	6,533
4.	MELAKA	421	2	1183	579
5.	NEGERI SEMBOLAN	386			458
6.	PAHANG	863		■■■■■	1,648
7.	PERAK	2072	1	4309	3,560
8.	PERLIS	410	3	1085	968
9.	PULAU PINANG	621		1882	947
10.	SABAH	19294	1,717	15344	29,377
11.	SARAWAK	13298		14108	22,362
12.	SELANGOR	1261	9	2553	2,582
	TERENGGANU	4184	2	9339	4,326
14.	WILAYAH PERSEKUTUAN	178	1	479	308
JUMLAH		51009	2,492	67033	79,147



Daripada jumlah diatas, didapati bahawa pengurangan sebanyak 95.1% bagi kategori miskin tegar dan pertambahan sebanyak 18% bagi kategori miskin.

Pertambahan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin adalah disebabkan oleh perubahan status yang berlaku kesan daripada program-program peningkatan yang telah disalurkan oleh agensi pemberi bantuan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]

**TARIKH** 8 MAC 2011

**SOALAN:**

TUAN ER TECK HWA minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil siasatan di atas aduan kepada SPR bahawa satu tempat membawa pengundi hantu di Dewan SJKC Ai Chun yang telah dikesan oleh 2 org petugas PRK Tenang pada 30 Januari 2011.

|

**JAWAPAN:** DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sehingga ke hari ini tidak menerima sebarang aduan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bakri. Bahkan SPR Malaysia tidak pernah pun menerima laporan yang lengkap secara rasmi mengenai “Pengundi Hantu” seperti yang sering didakwa oleh sesetengah pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak ada istilah “Pengundi Hantu” (*Phantom Voters*). Apa yang ada ialah Pengundi berdaftar vana telah pun berpindah daripada tempat pendaftaran asal dan bermastaunin di dalam satu kawasan baru. Ini kerana urusan Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar Pemilih adalah dibuat secara telus mengikut kerangka Undang-undang yang sedia ada.

Walau bagaimanapun pengundi berkenaan tidak membuat permohonan di bawah *Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002* untuk menukar alamat pusat mengundi supaya selaras dengan alamat tempat bermastaunin. Oleh itu, apabila berlaku Pilihan Raya, pemilih berdaftar berkenaan

## **SOALAN 27**

akan kembali mengundi di tempat pendaftaran mereka dan mereka adalah pemilih yang sah dari segi Undang-undang.

Bagaimanapun, andainya Yang Berhormat berkenaan mempunyai maklumat dan bukti-bukti prima facie yang kukuh mengenai perkara tersebut maka Yang Berhormat berkenaan adalah disarankan mengemukakannya dan melaporkannya kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang mempunyai kuasa perundangan untuk menyiasat kes-kes seumpamanya.

Sekian, terima kasih.

3

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                  JAWAB LISAN**

**DARIPADA                  Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]**

**TARIKH                  8 Mac 2011**

#### **SOALAN:**

Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa sebenarnya objektif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Jelaskan bagaimana TERAJU ini akan

berfungsi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada 10 Jun 2010, YAB Perdana Menteri dalam ucapannya telah mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan arahan MTAB, satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah dilancarkan pada 8 Februari 2011 bagi menerajui, menyelaras serta memacu penyertaan Bumiputera melalui pelbagai inisiatif baru dan sedia ada.

Objektif utama TERAJU adalah untuk menyelaraskan transformasi serta memperkuatkan penyertaan Bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Di samping berfungsi sebagai urus setia kepada MTAB, TERAJU juga akan mengemukakan cadangan pembaharuan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program dan inisiatif pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Perlu saya mengingatkan bahawa segala usaha TERAJU akan diorientasi berdasarkan kepada empat prinsip untuk menyokong matlamat pembangunan negara dan menyediakan asas yang lebih kukuh ke arah membentuk masyarakat yang lebih bersatu padu iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berdasarkan merit dan ketelusan.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN JEFF

OOI CHUAN AUN

(JELUTONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2011

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan daripada senarai penuh syarikat-syarikat GLC:**

- (a) berapa di antaranya diterajui oleh Pengarah Urusan kaum bukan bumiputera; dan

- (b) berapa di antaranya telah mencatat pulangan *net profit margin* tahunan melebihi 35%.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 31 buah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC (GLCT), terdapat 2 GLC iaitu Time Engineering Bhd dan UAC Bhd, yang membariskan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif daripada kalangan golongan bukan Bumiputera.

1

2. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pelantikan Ahli Lembaga Pengarah serta Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif GLC dibuat berdasarkan latar belakang etnik seseorang tetapi adalah atas dasar pengalaman, kepakaran serta kemampuan seseorang individu untuk menerajui sesebuah GLC. Ini adalah selaras dengan garis panduan berkaitan pencalonan untuk jawatan tersebut termaktub dalam "Buku Hijau - Meningkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah" yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG).

3. Untuk makluman Yang Berhormat, margin keuntungan bersih atau margin faedah bersih bagi 16 GLC terbesar di bawah Program GLCT untuk tahun 2010 adalah dalam lingkungan 1.5% hingga 24.4%. Walau bagaimanapun, margin keuntungan bersih atau margin faedah bersih (bagi institusi kewangan) bukan merupakan petunjuk paling sesuai untuk menentukan kedudukan serta prestasi kewangan GLC dalam sektor/industri yang diceburi. Ini kerana sebahagian besar daripada

sektor/industri yang diceburinya, dikawal selia oleh Kerajaan seperti sektor utiliti, telekomunikasi, automotif dan kewangan. Di antara petunjuk yang lebih sesuai untuk menilai prestasi syarikat adalah keuntungan bersih ataupun pulangan atas ekuiti.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

##### RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[PARIT SULONG]  
TARIKH 8 MAC 2011

##### SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kaedah atau pendekatan yang akan digunakan bagi memastikan penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) seperti yang diumumkan Perdana Menteri benar-benar dapat mencapai matlamat penubuhannya serta dapat membantu Bumiputera dalam bidang keusahawanan.

##### JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bagi mencapai matlamat penubuhannya serta dapat membantu Bumiputera dalam bidang keusahawanan, TERAJU telah mengenalpasti beberapa kaedah atau pendekatan jangka pendek dan jangka panjang untuk dilaksanakan. TERAJU akan menggunakan pendekatan makmal bagi mengenalpasti peluang yang boleh dimanfaatkan oleh Bumiputera dalam 131 Projek Permulaan (EPP) dan 60 peluang perniagaan (BO) yang telah diumumkan oleh Kerajaan dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Di samping itu, inisiatif baru di luar 131 EPP akan dikenalpasti untuk memacu dan menjayakan agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Makmal tersebut akan melibatkan pelbagai *stakeholders* termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Industri dan akademia.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

**NO. SOALAN : 30**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DR. TAN SENG GIAW**

**[KEPONG ]**

**TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dasar dan langkah yang berkesan untuk mengatasi faktor-faktor utama yang menjaskan kehidupan rakyat bagi memastikan perjuangan politik secara aman dapat dikekalkan di negara ini.**

JAWAPAN:           **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Faktor-faktor utama yang menentukan kehidupan kita dan rakyat ialah makanan, rumah dan keselamatan. Bagi memastikan perkara-perkar ini dapat dijayakan dengan sempurna sesebuah negara itu terlebih dahulu wajar memiliki kestabilan. Kestabilan ini dirujuk pada politik, ekonomi dan sosial.

Kemelut yang masih berlaku di negara-negara Afrika Utara dan Timur Tengah pada ketika ini adalah berpunca daripada kualiti kehidupan rakyat yang rendah. Misalnya, kadar **buta huruf** di kalangan rakyat yang tinggi (antara 25% hingga 49%), bilangan rakyat **termiskin** yang tinggi (antara 13% hingga 35%), kadar **pengangguran** yang tinggi (antara 13% hingga 45%) dan kadar **inflasi** yang tinggi (6% hingga 12%) serta kadar pertumbuhan **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)** pada kedudukan hanya 3% hingga 4%.

Manakala pencapaian negara kita adalah lebih baik dari mereka. Misalnya, kadar buta huruf rakyat hanya pada 11.3%, kadar rakyat termiskin pada 0.7%, bilangan pengangguran pada 3.5% dan kadar inflasi yang rendah pada 1.8% serta pertumbuhan KDNK yang selesa pada 7.1%. semua perkara ini bukanlah datang bergolek begitu sahaja tetapi ia adalah hasil usaha yang konsisten kerajaan Barisan Nasional selama ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan segala faktor utama yang menjadi penentu kauliti kehidupan rakyat dapat ditingkatkan. Antara dasar yang dilaksanakan ialah *Government Transformation Program (GTP)* dan *Economic Transformation Program (ETP)*. Ianya diperkuuhkan lagi dengan adanya Rancangan Malaysia Ke- 10 (RMKe-10). Keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar ini dipantau melalui antaranya *National Key Economic Areas (NKEA)* dan *National Key Result Areas (NKRA)*. Pada dasarnya kerajaan sentiasa berusaha membawa keharmonian hidup rakyat dengan menyediakan prasarana yang baik selain mementingkan pembangunan aspek pendidikan dan perpaduan. Justeru itu, sama-sama lah kita mempertahankan kestabilan negara ini dengan mendahulukan rakyat melalui peningkatan pencapaian perkhidmatan kita.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN  
JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN  
IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]

TARIKH 8 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapa peratuskah filem atau drama tempatan yang diberikan tempat di RTM dan mengapa tidak berlaku pengurangan tayangan drama atau filem dari Indonesia dan negara-negara lain di televisyen Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sentiasa memberi penekanan kepada penyiaran rancangan-rancangan tempatan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) di RTM1 dan RTM2. Sehubungan itu, dalam usaha untuk menggalakkan industri penerbitan drama/filem tempatan, RTM telah memperuntukkan sejumlah 63.69% masa siaran untuk rancangan tempatan bagi

**SOALAN NO: 32**

tahun 2011.

**SOALAN NO: 31**

Untuk makluman, RTM juga tidak lagi menyiaran drama/rancangan berbahasa Indonesia, Korea, Filipina dan Latin bermula dari awal tahun 2010. Sepanjang tempoh Januari hingga Februari 2011, RTM telah menyiaran sebanyak 8 filem Cina melalui slot Golden Dragon dan 3 tajuk drama bersiri Cina melalui slot Golden Phoenix dan Jade On 2. RTM juga telah menyiaran 9 filem Tamil melalui slot Spice Of India dan 2 tajuk drama bersiri Tamil melalui slot Varnam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT**

**[KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah bilangan lawatan rasmi dan lawatan kerja di luar negara serta kos perbelanjaan yang terlibat untuk rombongan lawatan Yang Amat Berbahagia isteri Perdana Menteri sejak tahun 2008 hingga kini.

**JAWAPAN:**      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada lawatan rasmi yang dibuat oleh Isteri Perdana Menteri pada tahun 2010. Pada tahun 2009 dan 2011, beliau telah membuat lawatan ke lima buah negara iaitu:

- i) Dubai, UAE pada 26hb hingga 27hb Oktober 2009 bagi menyampaikan Ucaptama di Seminar Kepimpinan Wanita;
- ii) Singapura, pada 15 Disember 2009 bagi menyampaikan Ucaptama di Forum Wanita ASEAN;
- iii) Riyadh, Arab Saudi pada 6hb hingga 10hb Januari 2011 bagi menyampaikan Ucaptama di Seminar Antarabangsa Pertama, mengenai Pengurusan Kualiti Pendidikan K-12, atas jemputan Timbalan Menteri Pelajaran Arab Saudi;
- iv) Muscat, Oman pada 16hb hingga 18hb Januari 2011 bagi menerima undangan daripada Menteri Pembangunan Sosial, Kerajaan Oman dan;

- v) Dhaka, Bangladesh pada 20 Januari 2011 bagi menerima undangan Madam Cherie Blair, Penaung di Asian University for Women dan menyampaikan ucaptama di Simposium “Memikirkan Masa Hadapan Asia: Idea dan Halatuju Ke Arah Perubahan.”

Secara keseluruhannya kos perbelanjaan bagi kelima-lima lawatan tersebut adalah RM194,317.76. Isteri Perdana Menteri dan ahli rombongan telah diberikan status Tetamu Negara sewaktu lawatan ke Arab Saudi dan Oman dan Bangladesh.

Ahli rombongan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri adalah terdiri daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta isteri Menteri-Menteri, Menteri Besar-Menteri Besar, Ketua Menteri serta beberapa pegawai kerajaan yang terlibat.

Undangan terhadap Isteri Perdana Menteri untuk menyampaikan ucaptama ini seharusnya dilihat sebagai pengiktirafan kepada Malaysia sebagai antara negara yang mempunyai dasar, strategi dan pelaksanaan terbaik dalam ehwal pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak, pembangunan wanita dan kebijakan.

Sekian, terima kasih.



No: 33

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAM  
A, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2011)

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SOALAN : SAID  
[ PENGERANG ]  
TARIKH : 33  
: 8 MAC 2011

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia berhubung isu banjir yang melanda baru-baru ini lantaran hujan lebat, serta apakah terdapat sebarang kajian yang menyeluruh untuk mewujudkan amaran awal atau langkah berjaga-jaga bagi membolehkan langkah pencegahan awal diambil di kawasan di khuatiri atau sering dinaiki air.

TAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) di bawah MOSTI berperanan memantau cuaca serta mengeluarkan ramalan dan amaran awal cuaca buruk yang boleh menyebabkan bencana termasuk banjir. Manakala maklumat dan amaran banjir adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Untuk memastikan komunikasi dan penyebaran maklumat yang berkesan bagi tujuan pengurusan bencana, JMM menggunakan beberapa kaedah seperti taklimat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara peringkat persekutuan, negeri dan daerah serta kaedah penyebaran melalui media cetak dan elektronik terutamanya RTM, sistem pesanan ringkas, laman web dan faksimili. JMM juga akan mempertingkatkan TV

crawler dan laman sosial facebook untuk sebaran maklumat dengan lebih berkesan. Selain itu, MOSTI juga memberikan taklimat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana peringkat kebangsaan dan negeri sebelum berlakunya musim tengkujuh dan membentangkan Nota Jemaah Menteri secara berkala mengenai cuaca semasa dan tinjauan cuaca bagi tiga bulan akan datang.

Semasa kejadian banjir di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang yang bermula 30 Januari 2011, JMM telah mengeluarkan amaran awal hujan lebat tahap kuning pada 27 Januari 2011, diikuti amaran tahap jingga pada 30 Januari 2011 dan amaran tahap merah pada 30 Januari 2011 kepada pihak pengurusan bencana, media dan orang awam.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian menyeluruh untuk mewujudkan sistem amaran awal serta langkah-langkah berjaga-jaga bagi membolehkan langkah pencegahan awal diambil di kawasan dikhawatiri atau sering dinaiki air sememangnya merupakan usaha berterusan kerajaan. Para penyelidik di JMM juga berterusan menambahbaik prestasi dan kejituan sistem ramalan dan amaran awal cuaca buruk di JMM. Walaubagaimanapun keupayaan komputer di JMM perlu dipertingkatkan dan bilangan radar cuaca ditambah untuk membolehkan ramalan cuaca yang lebih tepat dihasilkan.

Untuk memantapkan lagi sistem amaran awal banjir, JPS kini sedang membangunkan satu sistem ramalan banjir, berasaskan model atmosfera dan Radar-Satelit yang berkeupayaan meramalkan kawasan yang akan dibanjiri akibat daripada limpahan sungai tiga hari lebih awal. Sistem ini sedang dibangunkan untuk lembangan-lembangan sungai yang selalu mengalami banjir monsun yang teruk iaitu Sg. Pahang, Sg. Kelantan dan Sg.Johor dan dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di samping itu, JPS juga sedang membangunkan Sistem Bersepadu Ramalan Banjir dan Pengawasan Sungai untuk Lembangan Sg. Klang (Lembah Klang) dan Sg.Muda (Kedah/Pulau Pinang) yang juga dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di bawah RMKe-10 dalam *First Rolling Plan* (2011-2012), JPS akan membangunkan tiga lagi model ramalan banjir menggunakan model atmosfera dan Radar-Satelit untuk lembangan-lembangan Sungai Sarawak di Sarawak, Sungai Padas di

Sabah dan Sungai Muar di Johor. Dalam pembangunan sistem ramalan dan amaran awal banjir ini, JPS menggunakan maklumat ramalan, amaran dan data-data cuaca JMM terutamanya rangkaian radar cuaca.

Di antara langkah-langkah pencegahan awal yang telah diambil oleh kerajaan adalah perancangan pembangunan secara lestari, penyelenggaraan berterusan dan memperbaiki sistem saliran dan tebatan banjir, serta penggunaan teknologi terkini seperti *SMART Tunnel* di Kuala Lumpur dan *barrage* di Sungai Sarawak.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tujuan penyelidikan, sehingga kini MOSTI telah mengeluarkan dana berjumlah RM17.394 juta bagi tempoh RMKe-7 hingga RMKe-9 untuk projek-projek kajian berkaitan cuaca, iklim dan banjir yang disalurkan kepada institut-institut pengajian tinggi dan para penyelidik tempatan seperti Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan pengairan dan Saliran (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM). Sebanyak 31 projek kajian berkaitan cuaca dan iklim melibatkan perbelanjaan RM7.595 juta dan 27 projek kajian berkaitan banjir berjumlah RM9.798 juta telah dijalankan.

Dari jumlah RM7.595 juta projek kajian berkaitan cuaca dan iklim, 22 projek RMKe-7 berjumlah RM5.986 juta, 4 projek RMKe-8 berjumlah RM0.670 juta dan 5 projek RMKe-9 berjumlah RM0.940 juta. Manakala bagi projek kajian mengenai banjir berjumlah RM9.798 juta, 5 projek RMKe-7 berjumlah RM2.463 juta, 12 projek RMKe-8 berjumlah RM1.873 juta dan 10 projek RMKe-9 berjumlah RM5.461 juta. Hasil-hasil kajian, penyelidikan dan kepakaran dalaman JMM dan JPS serta teknologi daripada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, China, Jerman dan United Kingdom digunakan dalam membantu membangunkan sistem ramalan dan amaran cuaca dan sistem amaran banjir.



NO. AUM : ✕ NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]
TARIKH	8 MAC 2011
RUJUKAN	3333

**SOALAN:**

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing tanpa izin yang telah disabit hukuman sebatan dan jumlah pesalah yang dikecualikan hukuman tersebut di bawah program pengampunan dari tahun 2002 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman sebatan rotan terhadap pesalah warga asing di bawah Akta Imigresen 1959/63 mula dikuatkuasa dan dilaksanakan pada tahun 2005 dan bukannya mulai tahun 2002. Berasaskan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia mulai tahun 2005 sehingga 2010 seramai 29,759 atau secara purata 4,926 pesalah warga asing telah disebat pada setiap tahun kerana kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Berasaskan peruntukan undang-undang sedia ada sejumlah kira-kira 1,500 orang banduan warga asing yang dijatuhkan hukuman di bawah Akta Imigresen 1959/63 oleh Mahkamah telah tidak dikenakan hukuman sebatan rotan pada setiap tahun kerana faktor jantina (iaitu wanita), dan umur (melebihi 50 tahun). Di samping itu terdapat juga kes-kes di mana hukuman sebatan rotan kemudiannya telah digantikan dengan hukuman lain oleh mahkamah setelah pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan mendapati banduan berkenaan tidak sihat dan tidak layak untuk dirotan.

Kerajaan telah melaksanakan Program Pengampunan (Program Khas Kebenaran PATI untuk pulang ke negara asal secara sukarela sempena bulan Ramadan dan Syawal) mulai 29 Oktober 2004 sehingga 31 Januari 2005. PATI yang menyertai Program Khas ini tidak dikenakan sebarang tindakan undang-undang dan tidak dikenakan kompaun. Isu

pengampunan hukuman sebatan tidak timbul kerana tiada peruntukan mengenainya pada masa program pengampunan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA PUAN TAN AH ENG ( GELANG PATAH )  
**SOALAN**

**PUAN TAN AH ENG IGELANG PATAH]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan

- (a) langkah-langkah untuk mengatasi masalah sampah yang berlonggok di kawasan perumahan dan kawasan kilang; dan
- (b) status terbaru bagi pelantikan baru syarikat angkat sampah di negeri Johor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah longgokan sampah di kawasan perumahan dan kawasan kilang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa bekerjasama dengan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan anggota penguatkuasanya kerap menjalankan aktiviti penguatkuasaan terutamanya di kawasan 'hot- spot' yang telah dikenal pasti. Sehubungan itu, kerjasama orang awam untuk melaporkan kepada PBT apabila melihat kejadian pembuangan sampah longgok adalah amat penting.

Masalah pembuangan haram sisa pepejal (sampah longgok) ini dapat ditangani dengan lebih efektif lagi apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dikuatkuasakan kelak, penguatkuasaan yang lebih kerap dan tegas dapat dijalankan dengan adanya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPA) yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Akta 672 ini juga akan mengenakan penalti yang tinggi kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan.

- b) Pada ketika ini, syarikat yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja mengangkat sampah dan aktiviti pembersihan awam di negeri Johor adalah SWM Environment Sdn. Bhd. dan subkontraktornya merupakan kontraktor yang dilantik oleh PBT berkaitan dahulu dan diinovasi kepada SWM Environment.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011



SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD

RAHMAN [ TANJONG MANIS ]

TARIKH

: 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- a) bilakah program pengagihan komputer riba melalui MCMC kepada Ketua Masyarakat dan Sekolah-sekolah untuk kawasan Parlimen Tanjong Manis akan bermula dan berapa unitkah akan diagihkan kepada sekolah; dan
- b) adakah yang dimaksudkan setiap ketua kaum/ tuai rumah hingga ke temenggong akan menerima komputer riba.

**JAWAPAN:**

**SOALAN NO: 69**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Program pengagihan komputer riba bagi kawasan Parlimen Tanjong Manis dijangka akan bermula pada bulan April 2011. Jumlah peruntukan komputer untuk Parlimen Tanjong Manis sebanyak 500 buah. Untuk fasa 2 ini, penerima di Parlimen Tanjong Manis adalah di kalangan pelajar sekolah sahaja.
- b) Penerima di kalangan komuniti akan dilakukan di dalam fasa 3 yang dijangka pada bulan Mei 2011 nanti. Penerima komuniti adalah di kalangan mereka yang berpendapatan rendah sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

DARIPADA                    TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

TARIKH                    8 MAC 2011 (SELASA)

**SOALAN**

Tuan Fong Kui Lun minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah perlu penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sedangkan sudah memperkenalkan Model Baru Ekonomi

dan Program Transformasi Ekonomi dan tidakkah ia bercanggah dengan konsep 1 Malaysia itu sendiri dan usaha-usaha untuk membantu kaum- kaum lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi akan mengubah Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi yang berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan. Hasrat ini adalah sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 dan merangkumi prinsip “IMalaysia-Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan” bagi menyatu padukan semua rakyat Malaysia. Program Transformasi Ekonomi mengandungi dua komponen utama iaitu lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik dan 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA). Salah satu daripada lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik adalah berhubung dengan “tindakan

afirmatif yang telus dan mesra pasaran” yang secara khusus memberi tumpuan ke arah mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan membangunkan enterpris kecil dan sederhana Bumiputera.

Peranan TERAJU adalah untuk memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi melalui pelbagai inisiatif baru dan sedia ada untuk merapatkan jurang pembangunan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, jelas penubuhan TERAJU sebenarnya tidak bercanggah dengan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan juga Konsep 1 Malaysia. Pengurangan ketidaksamaan

pembangunan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah  
**NO. SOALAN : 39**  
syarat penting ke arah mencapai perpaduan nasional.



NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
<b>DARIPADA</b>	DATUK ERIC ENCHIN
<b>TARIKH</b>	MAJIMBUN [ SEPANGGAR]
<b>SOALAN:</b>	8 MAC 2011 (SELASA)

Datuk Eric Enchin Majimbun meminta PERDANA MENTERI menyatakan keputusan bancian statistik bilangan penduduk di setiap negeri di negara Malaysia pada tahun 2010 dan statistik bilangan mengikut suku kaum di negeri Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia, iaitu satu pembancian semua tempat kediaman dan penduduk di seluruh negara yang telah dijalankan pada 6 Julai hingga 22 Ogos 2010 terhadap semua jenis tempat kediaman dan penduduk (warga dan bukan warga) yang tinggal di tempat kediaman biasa mereka pada Hari Band iaitu 6 Julai 2010.

Oleh kerana maklumat yang diperoleh daripada band ini adalah pelbagai dan komprehensif, ia mengambil masa yang panjang dan penelitian yang rapi untuk memproses data muktamad demi menjamin kualitinya. Maka, untuk mendapat gambaran ringkas mengenai bilangan penduduk Malaysia pada tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Laporan Kiraan Permulaan 2010. Laporan ini menyediakan data awalan jumlah penduduk, isi rumah dan tempat kediaman bagi seluruh Malaysia mengikut negeri dan daerah pentadbiran.

Laporan Kiraan Permulaan ini menunjukkan bahawa jumlah penduduk di Malaysia pada tahun 2010 adalah seramai 27,565,821 orang. Taburan penduduk di Malaysia mengikut negeri adalah; seramai 3,233,434 orang di Johor, 1,890,098 orang di Kedah, 1,459,994 orang di Kelantan, 788,706 orang di Melaka, 997,071 orang di Negeri Sembilan, 1,443,365 orang di Pahang, 2,258,428 orang di Perak, 227,025 orang di Perlis, 1,520,143 orang di Pulau Pinang, 3,120,040 orang di Sabah, 2,420,009 orang di Sarawak, 5,411,324 orang di Selangor, 1,015,776 orang di Terengganu, 1,627,172 orang di W.P. Kuala Lumpur, 85,272 orang di W.P. Labuan dan 67,964 orang di W.P. Putrajaya.

Memandangkan data Laporan Kiraan Permulaan ini adalah data awalan Band 2010 yang berasaskan ringkasan kiraan yang dibuat selepas operasi kerja luar, taburan bilangan penduduk mengikut suku kaum etnik tidak dapat dikeluarkan. Data muktamad dan terperinci hanya dapat dikeluarkan selepas kerja prosesan band selesai. Laporan yang mengandungi ciri-dri demografi dan sosial akan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan selepas Julai 2011. Buat masa ini, maklumat taburan penduduk mengikut kumpulan etnik yang dapat dikeluarkan adalah data berdasarkan unjuran penduduk.

(Maklumat berkaitan taburan penduduk Malaysia (Jadual 1) dan Sabah (Jadual 2) berdasarkan Banci 2010 (data awalan) seperti di lampiran. Maklumat unjuran penduduk Sabah 2010 mengikut Daerah Pentadbiran dan Etnik seperti di Jadual 3.)

**JADUAL 1: TABURAN PENDUDUK (BILANGAN DAN PERATUS) MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA, 2010**

Negeri	Penduduk	Peratus (%)
MALAYSIA	27,565,821	100
Johor	3,233,434	11.73
Kedah	1,890,098	6.86
Kelantan	1,459,994	5.30
Melaka	788,706	2.86
Negeri Sembilan	997,071	3.62
Pahang	1,443,365	5.24
Perak	2,258,428	8.19
Perlis	227,025	0.82
Pulau Pinang	1,520,143	5.51
Sabah	3,120,040	11.32
Sarawak	2,420,009	8.78
Selangor	5,411,324	19.63
Terengganu	1,015,776	3.68
W.P. Kuala Lumpur	1,627,172	5.90
W.P. Labuan	85,272	0.31
W.P. Putrajaya	67,964	0.25

*Sumber: Laporan Kiraan Permulaan, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010  
 Jabatan Perangkaan Malaysia*  
**JADUAL 2: BILANGAN PENDUDUK MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH  
 PENTADBIRAN, SABAH, 2010**

Daerah Pentadbiran	Penduduk
Sabah	3,120,040
Tawau	398,475
Lahad Datu	199,934
Semporna	133,939
Sandakan	397,555
Kinabatangan	147,017
Beluran	106,583
Kota Kinabalu	452,940
Ranau	95,632
Kota Belud	90,121
Tuaran	101,786
Penampang	122,388
Papar	123,495
Kudat	83,123
Kota Marudu	65,807
Pitas	37,586
Beaufort	68,318
Kuala Penyu	20,346
Sipitang	34,680
Tenom	56,201
Nabawan	31,633
Keningau	172,553
Tambunan	35,307
Kunak	60,068
Tongod	29,938
Putatan	54,615

*Sumber: Laporan Kiraan Permulaan, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010 Jabatan Perangkaan Malaysia*

**Jadual 3 : Penduduk mengikut kumpulan etnik dan daerah pentadbiran, Sabah, 2010**  
**Population by ethnic group and administrative districts, Sabah, 2010**

('000)

Negeri / daerah pentadbiran State/ administrative districts	Jumlah	Warganegara Malaysia Malaysian citizens										Bukan warganegara Malaysia Non- Malaysian citizens
		Total	Jumlah warganegara Malaysia Total Malaysian citizens	Jumlah Bumiputera Total Bumiputera	Melayu Malay	Bumiputera Kadazan/Dusun	Bajau	Murut	Bumiputera Lain Other Bumiputera	Cina Chinese	Lain-lain* Others	
Sabah	3,214.2	2,281.9	1,852.6	362.7	545.7	398.1	97.3	448.8	280.6	148.7	932.3	
Tawau	402.4	244.5	148.1	72.8	7.0	29.4	2.7	36.1	39.0	57.4	157.9	
Lahad Datu	213.1	121.1	100.0	29.3	10.2	35.8	0.3	24.4	12.0	9.1	92.0	
Semporna	140.4	89.0	84.5	4.2	0.7	71.0	0.1	8.4	1.1	3.3	51.4	
Sandakan	453.5	281.3	188.8	63.8	17.7	42.1	0.6	64.6	65.4	21A	172.2	
Kinabatangan	165.6	28.3	21.1	3.4	2.8	1.4	0.1	13.5	0.5	6.7	137.4	
Beluran	105.4	58.6	54.5	3.0	19.7	4.2	0.1	27.5	0.9	3.2	46.9	
Kota Kinabalu	436.1	360.9	254.3	61.2	66.8	72.3	3.3	50.7	94.6	12.0	75.2	
Ranau	88.8	81.9	80.2	1.9	73.3	1.0	0.1	4.0	1.0	0.8	6.8	
Kota Belud	89.2	87.7	85.9	3.2	37.2	32.0	0.1	13.3	1.0	0.8	1.5	
Tuaran	97.8	92.4	86.3	4.7	43.8	30.2	0.3	7.3	4.2	1.9	5.4	
Penampang	159.6	135.7	105.3	25.1	49.5	14.3	1.4	15.1	25.2	5.1	24.0	
Papar	111.4	98.8	88.4	32.3	28.6	17.4	0.5	9.5	5.8	4.6	12.7	
Kudat	85.4	81.1	72.5	3.5	4.4	8.8	0.1	55.8	6.5	2.1	4.3	
Kota Marudu	72.9	70.7	68.1	2.8	43.9	10.5	0.1	10.8	1.8	0.8	2.2	
Pitas	41.3	38.4	37.4	1.1	4.4	4.2	0.1	27.6	0.3	0.7	2.9	
Beaufort	75.9	71.8	65.1	20.9	12.4	2.3	1.9	27.6	4.1	2.6	4.1	
Kuala Penyu	20.0	19.4	18.8	4.2	6.3	2.0	0.1	6.2	0.3	0.3	0.6	
Sipitang	35.5	31.4	28.8	5.9	3.9	1.0	4.7	13.3	1.2	1.4	4.0	
Tenom	54.4	49.8	44.4	4.2	6.4	1.1	28.2	4.5	4.4	0.9	4.7	
Nabawan	30.7	25.7	25.1	0.3	0.7	0.2	23.6	0.3	0.3	0.3	5.0	
Keningau	195.7	130.4	116.4	8.4	67.8	4.7	27.9	7.5	9.7	4.2	65.4	
Tambunan	35.0	33.0	32.5	0.5	30.6	0.3	0.2	0.9	0.3	0.2	2.0	
Kunak	72.0	27.1	23.8	5.6	0.9	11.6	0.1	5.7	0.7	2.5	44.9	
Tongod	32.0	23.1	22.1	0.4	6.7	0.2	0.5	14.3	0.3	0.7	8.9	

Nota/A/afes:

1. Unjuran penduduk berasaskan kepada Band Penduduk 2000 yang disesuaikan.

*Population projections based on the adjusted 2000 Population Census.*

2. Semakan semula ke atas Unjuran Penduduk 2001-2020 telah dibuat berdasarkan trend terkini kadar kesuburan dan pekerja asing.

*The population projections for 2001-2020 has been revised based on latest trend of the fertility rate and foreign workers.*

3. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

*The added total may differ due to rounding.*

4. \* Termasuk India.

*Includes Indians.*



NO. AUM 1A€^0  
NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [ KUALA KEDAH ]

8 MAC 2011

TARIKH 3336

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengenai jumlah pekerja asing yang bekerja dalam sektor pembinaan mengikut daerah dalam Kedah terkini, dan apakah dokumen yang diberikan kepada mereka bagi membuktikan mereka adalah pekerja asing dan bukannya PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin), adakah orang awam dibenarkan memeriksa dokumen tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.

Pekerja asing yang bekerja di Malaysia perlu memohon untuk mendapatkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Pas ini perlu dimohon di Jabatan Imigresen Malaysia. Pas ini dikeluarkan dalam bentuk pelekat dan ditampal di dalam pasport pemohon. Sekiranya pekerja asing dapat menunjukkan pelekat berkenaan bererti mereka adalah sah bekerja dan tinggal di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan kepada seseorang pekerja asing adalah sah untuk bekerja dengan majikan berkenaan di mana-mana saja di Semenanjung. Secara pentadbiran, majikan tersebut perlu memaklumkan lokasi pekerja itu bekerja. Setakat 31 Disember 2010, Jabatan Imigresen di Kedah telah merekodkan seramai 2,468 orang pekerja asing yang bekerja di sektor pembinaan. Jumlah ini adalah merupakan 10.18% dari jumlah pekerja asing yang berdaftar di Kedah di mana jumlah keseluruhan bagi Pekerja Asing di Kedah adalah 24,413 orang.

Mengikut Seksyen 50(1) Akta Imigresen 1959/63, kuasa menyoal siasat ada diberikan kepada Pegawai Imigresen dan orang yang disoal siasat perlulah menjawab soalan yang dikemukakan dengan penuh dan benar. Orang yang disoal siasat itu juga perlu mendedahkan dan menunjukkan

semua dokumen dalam milikannya berkaitan dengan perkara-perkara kewarganegaraan, pekerjaan atau butir-butir perjalanan.

Orang awam tidak mempunyai kuasa untuk memeriksa dokumen pengenalan diri atau mana-mana dokumen yang dimiliki oleh Pendatang Asing.

No: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN  
DAHLAN [ KOTA BELUD ]**

**TARIKH JAWAPAN**

**8 MAC 2011 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**NO. 40**

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan rasional pembinaan loji air yang canggih di Kota Belud tetapi tidak membina sistem perpaipan yang mencukupi sehingga loji tersebut beroperasi di bawah kapasiti maksimum.

**TAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sesungguhnya adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya setiap rakyat dapat menikmati bekalan air terawat yang berkualiti dan berterusan. Bagi memastikan hasrat tersebut tercapai, Kerajaan perlu menyediakan infrastruktur bekalan air

yang antaranya terdiri daripada loji rawatan air dan sistem retikulasi. Namun begitu pembangunan infrastruktur bekalan air memerlukan sumber kewangan yang besar dan perlu dibangunkan mengikut keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Loji Rawatan Air Kampung Bayayat, Kota Belud berkapasiti 15 juta liter sehari telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi menampung keperluan air terawat di kawasan Kota Belud sehingga tahun 2020. Pada masa ini, loji rawatan air tersebut yang dikendalikan oleh Jabatan Air Sabah telah beroperasi sepenuhnya dengan kuantiti pengeluaran air terawat sebanyak 10 juta liter sehari selari dengan keperluan semasa penduduk di Kota Belud.

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Air Sabah turut memaklumkan bahawa memang ter dapat beberapa tempat di Kota Belud mengalami kekurangan bekalan air seperti di Kampung Merabau, Kampung Labuan, Kampung Suang Punggor, Kampung Wakaf, Kampung Timbang Dayang, Kampung Kota Peladok, Kampung Kuala Abai dan Kampung Tawadakan. Keadaan tersebut berlaku disebabkan keperluan untuk menaik taraf sistem pengagihan yang meliputi pengepaman, paip utama dari tangki simpanan ke tangkiimbangan dan paip retikulasi di kawasan tersebut. Cadangan bagi menaik taraf sistem pengagihan ini berjumlah RM30 juta telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kementerian saya untuk pertimbangan di bawah *Rolling Plan Pertama (2011-2012) Rancangan Malaysia*

Kesepuluh (RMKe-10).

Memandangkan cadangan tersebut tidak diluluskan oleh Kerajaan bagi *Rolling Plan* Pertama (2011-2012), Kementerian telah meminta Kerajaan Negeri Sabah untuk mengemukakan semula cadangan tersebut untuk dipertimbangkan semula oleh Kerajaan di bawah *Rolling Plan* Kedua (2012-2013) RMKe-10.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, matlamat Kerajaan adalah supaya setiap rakyat dapat menikmati bekalan air terawat yang berkualiti dan berterusan. Bagi kawasan Kota Belud, fasa pertama pencapaian matlamat tersebut telah direalisasikan menerusi pembinaan Loji Rawatan Air Kampung Bayayat. Justeru, Kementerian akan terus berusaha untuk melengkapkan infrastruktur bekalan air di Kota Belud secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan Kerajaan.

*'k'kk'kic'^c'kk'kic'k'kic'kk'kk'kk'kic'kk'kk'kk'k'kick-k^k'kk'kic'kick'kk'k'kic'k'kk'kk'kk'kk'k'kic'*

#### SOALAN NO.

#### 41 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG

(BUKIT MERTAJAM)

TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah status

**Jawatankuasa Kesaksamaan Gender yang dinyatakan oleh Y.B. Padang Rengas dalam Dewan pada sidang yang lalu.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender (JKKG) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri ditubuhkan pada 25 Ogos 2004. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan meletakkan kesaksamaan gender sebagai satu agenda utama Kerajaan yang memberi hala tuju dan garis panduan berhubung perkara-perkara berkaitan inisiatif mencapai kesaksamaan gender.**

**Pada Mac 2009 Jawatankuasa Kabinet ini telah diserapkan di bawah Majlis Sosial Negara (MSN). Langkah ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan jentera pentadbiran dan pelaksanaan yang lebih berkesan di samping memberi penekanan kepada pembangunan fizikal dan ekonomi agar seimbang dengan pembangunan sosial.**



Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung pertanyaan mengenai penubuhan Suruhanjaya Kesaksamaan Gender, suka saya menyatakan bahawa, mekanisme yang sedia ada seperti Kementerian sendiri, Jabatan Pembangunan Wanita, *Gender Focal Point* (GFP), Majlis Penasihat Wanita Negara serta Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di setiap kawasan Parlimen adalah memadai. Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ditubuhkan bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.

Antara lain, Jawatankuasa Khas ini akan melaksanakan program kesedaran gender untuk sektor awam berkaitan dengan pengambilan, pembangunan kerjaya dan perancangan penggantian. Di samping itu, Jawatankuasa Khas ini juga akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyertaan wanita bagi jawatan utama pembuat keputusan di Parlimen, Dewan Undangan Negeri dan badan kehakiman serta sektor-sektor berkenaan.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE**

**[TENGGARA]**

**TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**NO. SOALAN : 42**

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah 19 Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) mampu menjana pendapatan negara dan apakah manfaatnya pada rakyat dalam konteks rakyat didahuluikan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 11 Januari 2011, YAB Perdana Menteri mengumumkan perkembangan positif di bawah 19 EPP. 19 projek yang bersifat 'transformational' tersebut berasal daripada 10 industri NKEA. Dalam konteks rakyat didahuluikan, sudah pasti pihak kerajaan menggalakkan projek-projek yang dipacu oleh pihak swasta untuk maju dan menyumbang secara langsung kepada ekonomi negara dan mempunyai impak yang dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat. Peranan Kerajaan sebagai fasilitator dan pemudah cara kepada perniagaan dan pelaburan juga dapat membantu untuk mempercepatkan impak yang dirasai oleh rakyat jika dibandingkan dengan proses yang dijalankan sebelum ini yang mungkin terdapat banyak birokrasi dan langkah-langkah yang mengambil masa yang panjang untuk dijalankan.

10 industri yang terlibat adalah indsutri oil gas and energy, electrical and electronics, wholesale retail, Greater Kuala Lumpur, Tourism, Agriculture, Education, Communications Content and

Infrastructure, Healthcare dan Business Services.

Hasil daripada 19 projek daripada 10 industri yang diumumkan tersebut, ia melibatkan pelaburan sebanyak RM67 bilion yang pasti akan membantu perniagaan kecil dan sederhana (SME) di bawah 10 industri itu. Ia juga dapat melahirkan 35,000 peluang pekerjaan baru dan menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM36 bilion sehingga tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN LOKE SIEW FOOK**

**[RASAH]**

**TARIKH**

**8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan lawatan rasmi isteri Y.A.B. Perdana Menteri ke Arab Saudi, Oman dan Bangladesh pada bulan Januari 2011, senarai delegasi tersebut serta kos yang ditanggung oleh kerajaan secara terperinci untuk lawatan tersebut.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan dan kos lawatan rasmi yang dibuat oleh Isteri Perdana Menteri ke Arab Saudi, Oman dan Bangladesh adalah seperti berikut:

- i) **Riyadh, Arab Saudi** pada 6hb hingga 10hb Januari 2011 bagi menyampaikan Ucaptama di Seminar Antarabangsa Pertama, mengenai Pengurusan Kualiti Pendidikan K-12, atas jemputan Timbalan Menteri Pelajaran Arab Saudi;
- ii) **Muscat, Oman** pada 16hb hingga 18hb Januari 2011 bagi menerima undangan daripada Menteri Pembangunan Sosial, Kerajaan Oman dan;
- iii) **Dhaka, Bangladesh** pada 20 Januari 2011 bagi menerima undangan Madam Cherie Blair, Penaung di Asian University for Women dan menyampaikan ucaptama di Simposium “Memikirkan Masa Hadapan Asia: Idea dan Halatuju Ke Arah Perubahan.”

Secara keseluruhannya kos perbelanjaan bagi ketiga-tiga lawatan tersebut adalah RM134,317.76.

Ahli rombongan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri adalah terdiri daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta isteri Menteri-Menteri, Menteri Besar-Menteri Besar, Ketua Menteri serta beberapa pegawai kerajaan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

### PERTANYAAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALIB  
(MARAN)

TARIKH LISAN 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALIB  
(MARAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bukti dan kekuatan konsep 1 Malaysia yang telah diperkenalkan serta transformasi pengurusan, ekonomi dan politik yang dilakukan ini telah dapat mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan dan sejauh mana serta apakah usaha-usaha tegas Kerajaan dalam menangani tohmahan dan tipu muslihat pembangkang.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Selain daripada tujuan utama untuk terus memupuk perpaduan dan integrasi nasional dalam masyarakat majmuk, gagasan 1 Malaysia merupakan landasan falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilhamkan dan diinisiatifkan oleh YAB Perdana Menteri, untuk mentransformasikan kerajaan dengan meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan pengurusan perkhidmatan awam supaya memantapkan komitmen "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" untuk mencapai segala matlamat Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam semua aspek.

Sememangnya, beberapa inisiatif untuk tujuan ini telah dilaksanakan sejak beberapa tahun dahulu melalui usaha Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama semua kementerian, jabatan dan agensi yang berkenaan telah terus dimantapkan dalam 2 tahun kebelakangan ini. Inisiatif-inisiatif ini termasuk pengurusan secara Kumpulan Kawalan Kualiti (QCC), pengkomputeran semua data dan penggunaan Teknologi Maklumat Komunikasi (ICT) secara meluas untuk mengwujudkan beberapa aplikasi kerajaan elektronik (*e-government*) seperti portal MyGovernment, myGovXchange, mySMS 15888, MyID, MyForum, MyBayar, ePBT, JobsMalaysia, e-Perolehan dan sebagainya.

Perekayasaan Proses Kerja atau "*Business Process Re-Engineering*" (BPR) untuk meningkatkan kecekapan proses dan prosedur kerja, telah berjaya, misalnya, untuk mengurangkan tempoh memproses dari beberapa minggu ke sehari bagi lebih

dari pada 95% urusan pindahmilik tanah oleh pejabat-pejabat tanah semua negeri, kecuali Selangor.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH sebagai kerjasama antara sektor awam dan swasta, telah berusaha sejak 2007 untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengurangkan birokrasi serta meningkatkan daya saing negara. Ianya telah menghasilkan beberapa penambahbaikan kepada sistem, proses dan prosedur kerja misalnya, masa yang diperlukan untuk mendaftar perniagaan telah dikurangkan daripada 9 hari ke 3 hari sahaja, dengan mempermudahkan daripada 9 prosedur ke 3 prosedur, manakala masa pendaftaran secara 'on-line' bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dikurangkan supaya dapat diuruskan dalam sehari.

Pelaksanaan nombor pengenalan korporat tunggal Malaysia (MyCoID) pula telah memudahkan urusan perniagaan dengan menggantikan pelbagai nombor rujukan bagi perniagaan yang baru didaftarkan di lima agensi iaitu LHDN, KWSP, PERKESO, SME Corp dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) telah dilaksanakan di 45 Agensi untuk 102 jenis lesen/kelulusan/permit sebagai pusat setempat atas talian untuk permohonan secara serentak bagi mendapatkan lesen/kelulusan/ permit.

Selanjutnya, kerajaan mulai April tahun 2009 telah memperkenal dan melaksanakan 'Program Transformasi Kerajaan' (GTP) serta Model Baru Ekonomi (MBE) dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), dengan menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang berkesan, iaitu, kaedah makmal dan *Key Performance Indicators* (KPI). Di bawah GTP, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA dikenalpasti untuk menguruskan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh rakyat dan kerajaan, iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan isirumah berpendapatan rendah.

Dalam tempoh lebih setahun, GTP telah menghasilkan penambahbaikan awalan yang ketara dan menggalakkan untuk manfaat rakyat. Misalnya, untuk NKRA jenayah, kadar indeks jenayah keseluruhan pada tahun 2010 telah menurun sebanyak 15% dan kadar jenayah jalanan atau "street crimes" sebanyak 35% melalui tumpuan mobilisasi hampir 30,000 anggota polis beruniform dari kawasan-kawasan kurang jenayah, dari mereka yang bertugas kekeranian dan Polis Hutan (PGA) ke 50 kawasan "hot-spots". Keselamatan dan keyakinan rakyat telah meningkat.

Bagi NKRA rasuah, persepsi rakyat terhadap keberkesanan Kerajaan dalam menangani rasuah telah meningkat daripada 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010, mengikut kajian *Transparency International Global Corruption Barometer* setelah Kerajaan melaksanakan beberapa langkah, di antaranya meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat dan melancarkan portal

Kesan daripada Program Transformasi Ekonomi juga kian ketara. Keyakinan sektor perniagaan dan para pelabur terhadap ekonomi Malaysia kini semakin tinggi. Ini boleh dilihat daripada peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi Negara ke tahap 7.2% pada tahun 2010 berbanding dengan penguncutan 1.7% pada tahun 2009.

Dari segi politik, bukti dan kekuatan 1 Malaysia ini dapat dilihat dengan jelasnya dari populariti dan penggunaan lambang 1 Malaysia itu sendiri oleh rakyat sebagai simbol perpaduan dan keazaman untuk menjayakan transformasi negara. Semangat kekitaan dan kesedaran saling bekerjasama yang makin meningkat di bawah usaha-usaha berterusan Kerajaan dapat dilihat melalui 6 kemenangan Barisan Nasional dalam 7 pilihanraya kecil dari April 2010 hingga Mac 2011.

Walau bagaimanapun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak untuk mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian dan mencapai hasil yang lebih baik bagi rakyat pada masa yang terdekat ini. Hasil-hasil positif yang konkret yang dapat dinikmati oleh rakyat adalah bukti terbaik untuk menentang segala tohmahan dan kritikan negatif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 MAC 2011

DARIPADA : YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

(PARIT BUNTAR)

Soalan :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah nama dokumen^dokumen yang terkandung di dalam Akta Rahsia Rasmi dan berapakah senarai dokumen yang dikategorikan tidak rasmi lagi mengikut peruntukan Seksyen 2C, Akta Rahsia Rasmi.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dokumen Rahsia Rasmi seperimana yang terkandung di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah “Apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulif atau ‘Terhad’, mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang

**NO. SOALAN:**

Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi 1972.”

2. Perkara di dalam Jadual Seksyen 2A , Akta Rahsia Rasmi 1972(Akta 88) adalah seperti berikut:

- (i) Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri
- (ii) Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
- (iii) Suratan berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa.

3. Maksud dokumen Rahsia Besar, Rahsia, Sulit dan Terhad adaiah seperti berikut:

- (i) Rahsia Besar

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia.

- (ii) Rahsia

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan

NO SOALAN: 0

negara, menyebabkan kerosakan besar kepada kuasa asing.

(iii) Sulit

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan negara tetapi memudaratkan kepentingan atau martabat Malaysia atau kegiatan kerajaan atau orang perseorangan atau akan menyebabkan keadaan memalukan atau kesusahan kepada pentadbiran atau akan menguntungkan sesebuah kuasa asing.

(iv) Terhad

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi selain yang diperangkatkan Rahsia Besar, Rahsia atau Sulit tetapi berkehendakan juga diberi satu tahap perlindungan keselamatan.

4. Dokumen Rahsia Rasmi tidak lagi menjadi rahsia rasmi sekiranya telah dikelaskan semula mengikut peruntukan Seksyen 2C, Akta Rahsia Rasmi 1972 yang mana melibatkan perkara dalam jadual atau luar jadual iaitu Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungkan dengan apa-apa tanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang di nyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi

**NO. SOALAN:**  
**rahsia rasmi’.**

- (i) Dokumen Rahsia Rasmi yang telah dikelaskan semula akan terhenti menjadi rahsia rasmi dan menjadi dokumen rasmi.
- (ii) Dokumen Rahsia Rasmi yang telah dikelaskan semula akan terhenti menjadi Rahsia Rasmi dan menjadi dokumen rasmi sahaja jika isi kandungannya tidak lagi membahayakan keselamatan negara dan menjelaskan fungsi-fungsi kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA                    Y.B. DATO<sup>e</sup> HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED  
                                  SAID [KUALA KRAU]

TARIKH                    8 Mac 2011

**SOALAN**

Y.Bhg Dato<sup>1</sup> Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam penugasan keselamatan global terutama apabila berlaku sesuatu konflik dalam sesebuah negara yang mana ramai rakyat Malaysia

termasuk pelajar dan pekerja tinggal di negara tersebut.  
**NO. SOALAN : 47**

**JAWAPAN:**      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
                          MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Tanggungjawab mengenai hal ehwal rakyat Malaysia (pelajar, pekerja dan sebagainya) yang berada di negara luar adalah dibawah Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui Kedutaan/Perwakilan Malaysia di luar negara. Apabila berlaku sesuatu konflik, krisis, bencana atau situasi keselamatan yang memberi implikasi kepada keselamatan rakyat Malaysia di negara tersebut, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama KLN, Bahagian Penyelidikan JPM, Polis Diraja Malaysia, Bahagian Staff Perisikan Pertahanan, Markas Angkatan Tentera Malaysia akan terlebih dahulu membuat penilaian terhadap situasi keselamatan dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan berikut:

- i) Memberikan penjelasan kepada rakyat Malaysia mengenai langkah-langkah yang boleh diambil bagi mendapatkan perlindungan keselamatan sementara;

- ii) Memindahkan rakyat Malaysia ke kawasan selamat sekiranya keadaan menjadi kritikal (KLN akan menyediakan pelan evakuasi); dan
- iii) Membawa pulang ke Malaysia dari kawasan selamat (sekiranya perlu).

Dalam kejadian bencana banjir dan gempa bumi yang berlaku di Brisbane, Australia dan Christchurch , New Zealand baru-baru ini, MKN bersama KLN telah meneliti keadaan dan memperakukan kepada kerajaan supaya pelajar yang terlibat diberikan bantuan dari segi makanan, perubatan, kaunseling dan tiada keperluan untuk membawa pulang ke Malaysia.

Manakala dalam situasi keselamatan di Timur Tengah dan Afrika Utara, pertimbangan yang diambil bagi memindahkan pelajar dan warga Malaysia di Mesir dan Libya adalah disebabkan situasi tersebut yang melibatkan tindakan rusuhan dan penggunaan senjata yang boleh mengancam keselamatan rakyat Malaysia.

Tindakan yang diambil oleh Majlis Keselamatan Negara adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab sebagai badan tertinggi dalam menggubal dasar-dasar keselamatan negara dan penyelarasannya langkah- langkah

keselamatan yang bukan sahaja melibatkan dalam negara tetapi juga terhadap rakyat dan kepentingan Malaysia di luar negara. Mandat ini juga ditetapkan dalam Arahan MKN yang telah ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri iaitu:

- i) Arahan MKN No. 18 (Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan)
- ii) Arahan MKN No. 19 (Penubuhan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia)
- iii) Arahan MKN No. 20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bantuan Bencana Negara)
- iv) Arahan MKN No. 21 (Pengurusan dan Pengendalian Situasi Ancaman Ketenteraman Awam)

Sekian. Terima kasih.

47  
48

No.

SOALAN: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA                    YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]  
TARIKH                    8 MAC 2011 ( SELASA )

SOALAN : Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta

PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) hubungan dan kaitan antara Jabatan Perdana Menteri dengan pertubuhan NGO 1 Malaysia: dan
- (b) peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri atau kerajaan kepada NGO 1 Malaysia secara langsung atau tidak langsung.

JAWAPAN:

Jabatan Perdana Menteri (JPM) tiada sebarang kaitan dengan NGO 1 Malaysia, dan pendirian JPM terhadap NGO ini adalah sama seperti pendiriannya terhadap mana-mana NGO yang wujud dan beroperasi di Malaysia. Tiada sebarang peruntukan yang diperuntukkan oleh JPM maupun Kerajaan Malaysia secara langsung atau tidak langsung kepada NGO 1 Malaysia.

SOALAN NO.: 48

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN                    LISA  
                                    N

DARIPADA                    TUAN TENG BOON SOON  
                                  [ TEBRAU ]

TARIKH                        08 MAC 2011

SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji punca banjir di negeri-negeri yang dilanda banjir besar contohnya di Johor dan apakah rancangan keseluruhan (master plan) penebatan banjir telah disediakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan mudah banjir seluruh Malaysia seluas 29,800 km persegi melalui kajian 'National Register of River Basins' pada tahun 2003.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengkaji punca-punca banjir melalui penyediaan pelan induk tebatan banjir. Pelan induk tersebut turut digunakan untuk perancangan tebatan banjir. Setelah perancangan telah dimuktamadkan, rekabentuk terperinci akan dijalankan untuk menyediakan pelan-pelan kejuruteraan sebelum pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan mudah banjir.

Keseluruhan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe- 9) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyiapkan sepuluh (10) pelan induk tebatan banjir dan dua (2) masih dalam pelaksanaan. Selain itu, terdapat tujuh (7) rekabentuk terperinci kejuruteraan telah disiapkan dan dua (2) masih dalam pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**NO. SOALAN : 49**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG**

**[BATU]**

**TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) apakah pendirian Kerajaan Malaysia seperti yang didakwa oleh Wikileaks yang mendakwa Perdana Menteri Malaysia terlibat dalam kes jenayah; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan memantau Wikileaks.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kerajaan telah menghantar surat bantahan kepada Singapura setelah Wikileaks mendedahkan maklumat yang memburukkan kepimpinan negara yang dibuat oleh pegawai Kementerian Luar Negara tersebut. Singapura telah menjelaskan bahawa maklumat yang didedahkan oleh Wikileaks tidak sama dengan rekod maklumat yang ada.
- b) Kerajaan akan terus memantau Wikileaks bagi menjaga kepentingan negara.

Sekian. Terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT NO. SOALAN : 50

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
DATUK DR TEKHEE @TIKI ANAK LAFE  
[ MAS GADING ]**

**TARIKH** **8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai satu sasaran untuk melahirkan jutawan SUPER RICH melalui Program Transformasi Ekonomi negara supaya mereka ini akan menolong Kerajaan menentukan arah tuju politik, sosial dan ekonomi negara nanti.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sama sekali Kerajaan tidak mempunyai hasrat untuk melahirkan jutawan SUPER RICH seperti yang ditanyakan oleh YB Mas Gading.

Program Transformasi Ekonomi telah direka berlandaskan prinsip 1 Malaysia dan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Bukan itu sahaja, terdapat lebih 500 orang terlibat dalam makmal NKEA yang telah dijalankan pada bulan Jun dan Julai 2010. Secara purata, seramai 35 orang ahli sepenuh masa terlibat dalam setiap makmal yang wakilnya terdiri daripada sektor swasta (80%), awam (15%) dan NGO (5%). Mereka juga giat menjalankan proses sindikasi bersama ‘stakeholders’

sektor awam dan sektor swasta yang penting bagi setiap initiatif dan projek dirancang untuk memastikan proses pelaksanaan kelak dapat diatur dan dilaksanakan tanpa sebarang masalah yang besar.

Secara statistik, 57% daripada peserta terdiri daripada bangsa Melayu, 31% Cina, 7% India dan baki 5% daripada Sabah, Sarawak dan juga warganegara asing. Oleh kerana ahli makmal tersebut datang daripada latar belakang yang berbeza, syarikat-syarikat berlainan, dan kedudukan geografi yang menyeluruh, ia memastikan pemahaman ekonomi atau *economic school of thought* mereka berbeza. Walaupun demikian, mereka telah bersatu untuk bersama-sama fokus terhadap objektif makmal diwujudkan iaitu mencari langkah untuk membantu negara mencapai status negara maju menjelang 2020.

Akhirnya, ahli-ahli makmal telah dipilih melalui kaedah jemputan terbuka apabila Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) mengadakan bengkel 1000 pada bulan Mei 2010. Acara ini telah mendapat liputan menyeluruh di akhbar-akhbar tempatan dan PEMANDU telah menerima ratusan aplikasi daripada golongan rakyat dan syarikat swasta untuk bersama melibatkan diri dengan makmal-makmal tersebut.


Tambahan lagi, hasil daripada 12 makmal NKEA yang dijalankan dijangka sebanyak 3.3 juta pekerjaan akan terhasil di mana majoriti daripadanya terdiri daripada pekerjaan medium income dan high income. Daripada 3.3 juta pekerjaan tersebut;

- 100,000 (atau 4%) pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1.000 dihasilkan

- 1.1 juta (atau 33%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000 dihasilkan
- 900,000 (atau 27%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM2,000 hingga RM4,000 dihasilkan
- 700,000 (atau 21%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM4,000 hingga RM7,000 dihasilkan
- 300,000 (atau 10%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM7,000 hingga RM10,000 dihasilkan
- 200,000 (atau 5%) pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 dihasilkan

**NKEAs will create 3.3m jobs most of which will be medium-income or high-income jobs**

**Normal labour Remainder by Sector Bracket**



1. Sdrae\*\* t; &sa »t SM 1€ \*2823 8M)  
m&M2; m13C - SC £2023 ?3g KM) ms&i  
5533\*3\* & ^\*12G23- 3235RM)  
» \*\*L i 7S - 1« \*2306 naJ3M)  
acos ?# sg®? s« mcssso m

Selanjutnya, perkara tersebut akan menyebabkan peningkatan keseluruhan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah ke berpendapatan pertengahan (*medium income*), dan daripada berpendapatan pertengahan ke berpendapatan tinggi (*high income*).

- 2.9 juta orang pada 2009, kepada 2.3 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan bawah RM 1,000 (penurunan sebanyak 600,000 orang)

- 3.7 juta orang pada 2009, kepada 4.7 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM1,000 hingga RM2,000 (peningkatan sebanyak 1 juta orang)
- 3.3 juta orang pada 2009, kepada 4.6 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM2,000 hingga RM4,000 (peningkatan sebanyak 1.3 juta orang)

Ini sama sekali menunjukkan bahawa Program Transformasi Ekonomi tidak meletakkan penekanan langsung terhadap melahirkan golongan SUPER RICH, akan tetapi berteras dan berlandaskan 3 prinsip model ekonomi baru iaitu berpendapatan tinggi (high income), keterangkuman (inclusiveness), dan kemampanan (sustainability) selaras dengan konsep 1 Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

[KOTA RAJA]

TARIKH : 8 MAC 2011

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah dasar dan syarat untuk memastikan yang drama dan filem

**SOALAN NO: &s**

sama ada tempatan atau dari luar negara yang disajikan di televisyen mempunyai unsur serta nilai yang mampu membina nilai positif, sahsiah mulia kepada minda penonton.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan penyebaran mesej-mesej positif kepada masyarakat melalui drama dan filem, Kementerian ini telah melaksanakan penguatkuasaan melalui kaedah pemberian lesen ke atas badan-badan penyiar berhubung penyiaran kandungan yang mensyaratkan badan-badan penyiar swasta menyediakan rancangan- rancangan kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan serta mewajibkan semua kandungan rakaman



## **SOALAN NO: 52**

Ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) sebelum disiarkan di kaca televisyen.

Selain itu, RTM juga telah mewujudkan 2 Jawatankuasa Penilaian Kandungan untuk rancangan TV dan radio berdasarkan kepada Garis Panduan Siaran TV dan Radio untuk memastikan kandungan yang disiarkan bersesuaian dengan kehendak budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia

Diantara filem dan drama yang telah disiarkan di RTM yang membawa tema perpaduan dan semangat Gagasan 1 Malaysia ialah seperti telefilem 'Nasi Telur Kicap' yang mengisahkan kehidupan remaja yang terpilih mengikuti kursus PLKN, drama komedi 'Sebumbung' yang membariskan pelakon daripada pelbagai bangsa, filem 'Hati Malaya 1957' yang mengisahkan tentang perjuangan menuntut kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman dan program muzikal seperti 'Colours of 1 Malaysia' iaitu sebuah program hiburan mega yang mempersembahkan pelbagai bentuk seni tarian daripada segenap lapisan masyarakat daripada semua kaum di Malaysia.

## **SOALAN NO: 52**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA:** Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAED

**TARIKH:** 8 MAC 2011

**SOALAN:**

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamaed [ Pulai ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan pertindihan peranan Kementerian dan Talent Corporation yang baru ditubuhkan oleh Kerajaan.

PR-000-L42229

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) secara umumnya berperanan dalam merangka dasar-dasar perburuhan dan pembangunan sumber manusia sektor swasta serta melaksanakan program-program:

- (i) pembangunan sumber manusia dan latihan kemahiran;
- (ii) mempromosi dan mengekalkan keharmonian perhubungan perusahaan;
- (iii) menjamin hak-hak pekerja dan majikan melalui penguatkuasaan undang-undang perburuhan;
- (iv) perlindungan keselamatan sosial; dan
- (v) mempromosi dan menguatkuasakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Secara umumnya, *Talent Corporation* memainkan peranan untuk menarik lebih ramai bakat (*talent*) rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk kembali dan bekerja di Malaysia, mempromosi dan menggalakkan rakyat supaya kekal bekerja di Malaysia, menarik bakat dan profesional luar negara untuk bekerja di Malaysia serta membangunkan Rangka Tindakan Modal Insan Berkemahiran Kebangsaan yang bersepadu mengenai permintaan dan penawaran bakat dan tenaga profesional. Justeru, tiada pertindihan peranan antara *Talent Corporation*

dengan KSM.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Program Menggalakkan Warga Negara Malaysia yang Berkepakanan yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia atau *Returning Expert Programme (REP)* yang dikendalikan di bawah KSM sebelum ini telahpun diletakkan di bawah kendalian *Talent Corporation* mulai 1 Januari 2011. Langkah ini adalah bagi mengelakkan pertindihan tugas. Dengan penyerahan tugas tersebut, tidak wujud lagi sebarang pertindihan peranan dan tugas antara KSM dengan *Talent Corporation* malahan sebaliknya ia saling melengkapi.

<mac-7JlpriC11)fias... 22.2.11/WurJazln C42229

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

: 8 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA

Y.B.TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

**SOALAN**

Y.B.TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah status permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik tarafkan kawasan MPPP menjadi sebuah bandaraya.

**SOALAN ( 53 )**

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima dan meneliti permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada bandaraya. Secara dasarnya, KPKT tiada halangan terhadap permohonan ini memandangkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang menepati kriteria naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT). Permohonan ini seterusnya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam, sebelum keputusan muktamad dibuat.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011

No. SOALAN: **55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]
<b>TARIKH</b>	8 Mac 2011 (Selasa)
<b>SOALAN MENTERI</b> menyatakan:	Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA
(a)	keberkesanan usaha Kerajaan dalam mentransformasikan jentera Kerajaan terutama sekali sistem penyampaian Kerajaan; dan
(b)	apakah tahap pencapaian program yang dijalankan oleh Kerajaan, misalnya KPI, NKRA, NKEA, GTP dan sebagainya.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)**

Selain daripada tujuan utama untuk terus memupuk perpaduan dan integrasi nasional dalam masyarakat majmuk, gagasan 1 Malaysia merupakan landasan falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilhamkan dan diinisiatifkan oleh YAB Perdana Menteri, untuk mentransformasikan kerajaan dengan meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan pengurusan perkhidmatan awam supaya memantapkan komitmen “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” untuk mencapai segala matlamat Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam semua aspek.

Sememangnya, beberapa inisiatif untuk tujuan ini telah dilaksanakan sejak beberapa tahun dahulu melalui usaha Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama semua kementerian, jabatan dan agensi yang berkenaan telah terus dimantapkan dalam 2 tahun kebelakangan ini. Inisiatif-inisiatif ini termasuk pengurusan secara Kumpulan Kawalan Kualiti (QCC), pengkomputeran semua data dan penggunaan Teknologi Maklumat Komunikasi (ICT) secara meluas untuk mengwujudkan beberapa aplikasi kerajaan elektronik (*e-government*) seperti portal MyGovernment, myGovXchange, mySMS 15888, MyID, MyForum, MyBayar, ePBT, JobsMalaysia, e-Perolehan dan sebagainya.

Perekayasaan Proses Kerja atau "*Business Process Re-Engineering*" (BPR) untuk meningkatkan kecekapan proses dan prosedur kerja, telah berjaya, misalnya, untuk mengurangkan tempoh memproses dari beberapa minggu ke sehari bagi lebih daripada 95% urusan pindahmilik tanah oleh pejabat-pejabat tanah semua negeri, kecuali Selangor.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH sebagai kerjasama antara sektor awam dan swasta, telah berusaha sejak 2007 untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengurangkan birokrasi serta meningkatkan daya saing negara. Ianya telah menghasilkan beberapa penambahbaikan kepada sistem, proses dan prosedur kerja misalnya, masa yang diperlukan untuk mendaftar perniagaan telah dikurangkan daripada 9 hari ke 3 hari sahaja, dengan mempermudahkan daripada 9 prosedur ke 3 prosedur, manakala masa pendaftaran secara ‘on-line’ bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dikurangkan supaya dapat diuruskan dalam sehari.

Pelaksanaan nombor pengenalan korporat tunggal Malaysia (MyCoID) pula telah memudahkan urusan perniagaan dengan menggantikan pelbagai nombor rujukan bagi perniagaan yang baru didaftarkan di lima agensi iaitu LHDN, KWSP, PERKESO, SME Corp dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) telah dilaksanakan di 45 Agensi untuk 102 jenis lesen/kelulusan/permit sebagai pusat setempat atas talian untuk permohonan secara serentak bagi mendapatkan lesen/kelulusan/ permit.

Selanjutnya, kerajaan mulai April tahun 2009 telah memperkenal dan melaksanakan ‘Program Transformasi Kerajaan’ (GTP) serta Model Baru Ekonomi (MBE) dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), dengan menggunakan kaedah pengurusan prestasi yang berkesan, iaitu, kaedah makmal dan *Key Performance Indicators* (KPI). Di bawah GTP, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA dikenalpasti untuk menguruskan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh rakyat dan kerajaan, iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan isirumah berpendapatan rendah.

Dalam tempoh lebih setahun, GTP telah menghasilkan penambahbaikan awalan yang ketara dan menggalakkan untuk manfaat rakyat. Misalnya, untuk NKRA jenayah, kadar indeks jenayah keseluruhan pada tahun 2010 telah menurun sebanyak 15% dan kadar jenayah jalanan atau “*street crimes*” sebanyak 35% melalui tumpuan mobilisasi hampir 30,000 anggota polis beruniform dari kawasan-kawasan kurang jenayah, dari mereka yang bertugas kekeranian dan Polis Hutan (PGA) ke 50 kawasan “hot-spots”. Keselamatan dan keyakinan rakyat telah meningkat.

Bagi NKRA rasuah, persepsi rakyat terhadap keberkesanan Kerajaan dalam menangani rasuah telah meningkat daripada 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010, mengikut kajian *Transparency International Global Corruption Barometer* setelah Kerajaan melaksanakan beberapa langkah, di antaranya meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat dan melancarkan portal “MyProcurement” untuk menyebarkan maklumat berkaitan perolehan kerajaan dan meningkatkan ketelusan urusan tender.

Kesan daripada Program Transformasi Ekonomi juga kian ketara. Keyakinan sektor perniagaan dan para pelabur terhadap ekonomi Malaysia kini semakin tinggi. Ini boleh dilihat daripada peningkatan kadar pertumbuhan

ekonomi Negara ke tahap 7.2% pada tahun 2010 berbanding dengan penguncupan 1.7% pada tahun 2009.

Dari segi politik, bukti dan kekuatan 1 Malaysia ini dapat dilihat dengan jelasnya dari populariti dan penggunaan lambang 1 Malaysia itu sendiri oleh rakyat sebagai simbol perpaduan dan keazaman untuk menjayakan transformasi negara. Semangat kekitaan dan kesedaran saling bekerjasama yang makin meningkat di bawah usaha-usaha berterusan Kerajaan dapat dilihat melalui 6 kemenangan Barisan Nasional dalam 7 pilihanraya kecil dari April 2010 hingga Mac 2011.

Walau bagaimanapun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak untuk mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian dan mencapai hasil yang lebih baik bagi rakyat pada masa yang terdekat ini. Hasil-hasil positif yang konkret yang dapat dinikmati oleh rakyat adalah bukti terbaik untuk menentang segala tohmahan dan kritikan negatif.

NO. AUM lyc^

NO. AUR

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN      LISAN

DARIPADA      TUAN AMRAN BIN AB GHANI [ TANAH MERAH ]

TARIKH            8 MAC 2011

RUJUKAN          3341

**SOALAN:**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kebaikan dan keburukan cadangan membenar anggota bebas melawat lokap-lokap polis pada bila-bila masa, dan apakah langkah-langkah di ambil untuk mencegah berlaku kematian dan kecederaan suspek dalam lokap.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak PDRM mempunyai garis panduan yang diguna pakai iaitu Kaedah-Kaedah Lokap, 1953 (Legislation Number 328 Tahun 1953) di dalam masa dan tatacara ketika melawat tahanan di dalam lokap. Sehubungan dengan itu, tiada cadangan untuk membenarkan anggota bebas melawat lokap pada bila-bila masa seperti yang tertakluk di dalam peraturan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Berkaitan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlaku kematian dan kecederaan tahanan dalam lokap pula, pihak PDRM telah memasang CCTV pada beberapa buah lokap dan pemantauan secara berkala sentiasa dilakukan oleh anggota-angota polis yang bertugas. Selain daripada itu, pihak polis juga mengasingkan tahanan yang diklasifikasikan sebagai merbahaya bagi menjamin keselamatan tahanan lain di dalam lokap.

No. SOALAN: ^§f"

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] 8

PERTANYAAN

LISAN

MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA TARIKH

SOALAN                    Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai kiriman email dan khidmat SMS yang mengandungi ucapan Selamat Tahun Baru Cina pada Februari 2011 kepada rakyat:-

- (a) berapakah jumlah keseluruhan; dan
- (b) jumlah rakyat yang menerima SMS dan e-mail tersebut dan nombor telefon dan alamat e-mel peribadi diperolehi dari mana.

### JAWAPAN:

Inisiatif penyampaian mesej perayaan Tahun Baru Cina YAB Perdana Menteri pada tahun ini kepada rakyat Malaysia yang menyambut perayaan tersebut menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS & e-mel adalah sebahagian dari usaha berterusan pentadbiran ini bagi mengukuhkan perpaduan nasional serta memelihara hubungan rapat rakyat dan kerajaan selaras dengan gagasan pemandu "1 Malaysia Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan". Inisiatif ini membolehkan ini telah membolehkan beliau selaku Ketua Kerajaan dapat secara langsung berkongsi kegembiraan dengan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum yang meraikan perayaan masing-masing dengan menggunakan perantaraan media yang bersifat popular dan meluas.

#### 1. Perantara dan Pengkalan Data

- (a) SMS

## **JAWAPAN**

|



Ucapan ringkas peribadi YAB Perdana Menteri telah dihantar kepada empat juta (4,000,000) rakyat Malaysia dengan kerjasama daripada tiga (3) syarikat telekomunikasi utama seperti yang berikut:

- (i) Digi.Com Berhad
- (ii) Maxis Berhad
- (iii) Celcom Berhad

Tiada sebarang kos yang dikenakan oleh ketiga-tiga syarikat yang tersebut diatas. Ucapan YAB Perdana Menteri disebarluaskan dalam rangka memenuhi tanggungjawab sosial syarikat.

Mesej yang telah dirangka telah dihantar terus kepada ketiga-tiga syarikat telekomunikasi untuk sebaran. Pihak Pejabat Perdana Menteri telah memastikan prinsip perlindungan maklumat peribadi dipatuhi tanpa kecuali disamping terma dan syarat syarikat telekomunikasi dihormati sepenuhnya, ingin ditegaskan bahawa pada sebarang masa dan pada setiap tahap proses penghantaran mesej ini Pejabat Perdana Menteri tidak sesekali pernah mempunyai akses kepada sebarang maklumat yang bersifat peribadi kepada penerima.

(b) Email

Ucapan peribadi YAB Perdana telah dihantar kepada sejuta dua ratus lima puluh lima ribu lima ratus dua puluh lapan (1,255,528) penerima rakyat Malaysia. Alamat email ini telah dikumpulkan melalui tiga (3) pengkalan data seperti yang tersebut dibawah :

- (i) Media Prima Berhad
- (ii) Kementerian Pengajian Tinggi
- (iii) Laman web peribadi YAB Perdana Menteri www.1Malaysia.com.mv

Kos yang dikenakan adalah berjumlah Ringgit Malaysia Lima Sen (RM0.05) setiap satu email. Dengan kos yang begitu minima menggunakan cara ini YAB Perdana Menteri telah dapat mendekati lebih sejuta rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama. Ucapan ini adalah sama seperti ucapan yang dihantar melalui kad ucapan konvensional.

Bagi menghormati prinsip perlindungan maklumat peribadi dan terma dan syarat ketiga-tiga pengkalan data, YAB Perdana Menteri tidak mempunyai akses kepada data-data peribadi. Kesemua email telah dihantar setelah kesemua syarat dan terma diteliti dengan sepenuhnya dari ketiga-tiga pengkalan data untuk memastikan prinsip perlindungan peribadi tidak dilanggar.

Dibawah adalah syarat “Berkongsi Data Dengan Pihak Ketiga” untuk pengkalan data bagi Media Prima Berhad:

- o Data peribadi tidak boleh dijual, disewa atau dikongsikan dengan pihak ketiga selain yang tertera di dalam Polisi Privasi
- o Media Prima Berhad Berhak , jika perlu, menggunakan data peribadi (termasuk alamat email dan nombor telefon) untuk berkongsi maklumat yang berkenaan dengan produk, servis atau promosi dari pihak Media Prima Berhad dan pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu

Adalah jelas seperti yang tersebut diatas, ucapan Selamat Tahun baru Cina YAB Perdana Menteri tidak melanggar sebarang Polisi Privasi syarikat. Didalam konteks ini, YAB Perdana Menteri telah diklasifikasikan sebagai “pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu”.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 08.03.2011

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah wang yang diberi jaminan oleh Kerajaan kepada pinjaman-pinjaman Agensi yang seakan-akan perbadanan Kerajaan (quasi-Govt agencies) dan Syarikat di bawah Kerajaan (GLC) pada tahun 2001 hingga 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dari masa ke semasa memberikan jaminan kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

2. Sehingga 2010, Kerajaan telah memberikan jaminan kepada 23 institusi / syarikat iaitu 2 badan berkanun dan 21 syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan. Setakat 30 September 2010, baki pinjaman yang



dijamin Kerajaan adalah sebanyak RM92.77 bilion. Dari jumlah itu, sebanyak RM85.06 bilion atau 92% merupakan pinjaman dalam negeri dan RM7.71 bilion atau 8% pinjaman luar negeri.

3. Pinjaman berkenaan digunakan untuk membiayai projek strategik untuk negara yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk projek pembangunan modal insan, bekalan air dan elektrik serta pengangkutan awam.



NO. AUM :*p2r F*)

NO. AUP : S?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA DATO<sup>1</sup> HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [ PENGKALAN CHEPA ]

TARIKH 8 MAC 2011

RUJUKAN 3338

**SOALAN:**

Dato' Hajl Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci jumlah warga asing yang bertaraf penduduk tetap mengikut negara, berapa lama masa mereka berada di Malaysia dan berapakah jumlah yang telah diberi kerakyatan setakat ini dan jumlah yang layak diberi kerakyatan.

**JAWAPAN :**  
Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Statistik sehingga 31 Disember 2010 menunjukkan bahawa jumlah penduduk tetap yang berdaftar di negara ini adalah seramai 289,705 orang. Perincian jumlah penduduk tetap di Malaysia mengikut 5 negara asal yang tertinggi adalah seperti berikut:

N^ga^Asai	• - r ,
Indonesia	129,666
Malaysia	52,293
Filipina	13,561
India	12,055
Thailand	6,342

Kementerian ini tidak menyimpan statistik berdasarkan tempoh masa mereka menetap di Malaysia.

Jumlah warga asing yang bertaraf penduduk tetap yang telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 1957

sehingga 31 Disember 2010 adalah seramai 137,948 orang. Jumlah ini adalah terdiri daripada penduduk tetap yang memohon taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1) dan Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan.

Adalah dijelaskan bahawa perolehan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi penduduk tetap adalah dibuat berdasarkan permohonan yang dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia dan bukannya secara automatik apabila telah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Oleh yang demikian, pemberian taraf kewarganegaraan ini bukanlah merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana warga asing yang telah memenuhi syarat kelayakan sebaliknya ianya adalah merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia kepada warga asing yang telah bermastautin di Malaysia untuk tempoh-tempoh yang tertentu seperimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian juga ingin menegaskan bahawa mana-mana penduduk tetap yang telah memenuhi syarat kelayakan asas tidak semestinya akan dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Setiap permohonan yang diterima akan diteliti dan diberi pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pembangunan, kesejahteraan dan keselamatan negara.

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA            TUAN LIM KIAT SIANG [IPOH TIMUR]  
TARIKH            8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Lim Kiat Siang [IPOH TIMUR] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada beliau akan mendapatkan undi dan sokongan Parlimen terhadap Model Baru Ekonomi (NEM) untuk menunjukkan bahawa ianya tidak ‘dilemahkan’ berikutan dengan tekanan dari PERKASA serta lain-lain kumpulan sayap kanan, sekiranya tidak, mengapa tidak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Secara dasarnya, Kerajaan telah menerima prinsip-prinsip di dalam Model Baru Ekonomi (MBE). Langkah-langkah dasar yang meliputi 8 Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) telah diperincikan dalam laporan yang kedua. Semua input dan hasil bagi langkah-langkah dasar dibangunkan berdasarkan siri perbincangan dan taklimat serta dialog dengan semua stakeholder dari sektor kerajaan, swasta, dewan perniagaan, pertubuhan buruh, NGO, pendidik dan

**NO. SOALAN: 60**

lain-lain.

Senarai langkah dasar yang dikemukakan bukanlah satu senarai yang lengkap. Namun, MBE menjadi landasan penting mendorong Malaysia ke arah matlamat menjadi sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan terangkum menjelang tahun 2020.

Isu mendapat undi tidak berbangkit. Ini kerana Kerajaan serius dalam memastikan setiap yang dicadangkan dalam MBE diberikan perhatian. Sebagai makluman kepada YB, Kerajaan melalui PEMANDU sedang mengkaji secara mendalam setiap IPS melalui 6 makmal dalam tempoh 6 minggu di Pusat Latihan MAS di Kelana Jaya yang disertai pegawai-pegawai kerajaan daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta. Hasil dan input ini akan digunakan dalam merancang pelaksanaan objektif MBE.

Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan serius dan komited dalam memastikan pelaksanaan MBE berjalan mengikut perancangan.

**NO. SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA  
TARIKH TUAN LIM GUANG ENG [BAGAN] 8  
SOALAN : MAC 2011 (SELASA)

Tuan Lim Guang Eng [BAGAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang syor-syor daripada ahli-ahli ekonomi NEAC dalam merangka Model Baru Ekonomi yang telahpun digugurkan, selain daripada pembatalan Majlis Peluang Samarata dan kuota ekuiti syarikat, selepas bantahan oleh pertubuhan kanan dan eksterimis seperti PERKASA. Nyatakan rasional ia digugurkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Secara dasarnya, Kerajaan telah menerima prinsip-prinsip di dalam Model Baru ekonomi (MBE). Langkah-langkah dasar yang meliputi 8 Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) telah diperincikan dalam laporan yang kedua. Semua input dan hasil bagi langkah-langkah dasar dibangunkan berdasarkan siri perbincangan dan taklimat serta dialog dengan semua stakeholder dari sektor kerajaan, swasta, dewan perniagaan, pertubuhan buruh, NGO, pendidik dan lain-lain.

Senarai langkah dasar yang dikemukakan bukanlah satu senarai yang lengkap. Namun, MBE menjadi landasan penting mendorong Malaysia

ke arah matlamat menjadi sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan terangkum menjelang tahun 2020.

Langkah-langkah dasar yang disarankan adalah bersifat serta merta sebagai landasan kepada kejayaan projek-projek dibawah NKEA. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak seimbang, Malaysia perlu melaksanakan langkah-langkah dasar IPS dengan serta merta bagi membolehkan negara melonjak ke pendapatan tinggi.

Tidak semestinya langkah dasar-dasar yang dicadangkan terdahulu dilaksanakan pada masa sekarang dan sekali gus kerana ia boleh dilaksanakan kelak pada masa hadapan dan sesuai mengikut keadaan.

Kerajaan sentiasa komited dengan memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat peluang yang sama rata. Ini dilaksanakan melalui kempen 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, kemasukan dalam Perkhidmatan Awam dan bantuan E-kasih kepada rakyat yang memerlukan bantuan. Selain itu, setiap elemen dalam MBE terutama inklusif telah dimasukkan dalam RMK-10 dengan penumpuan diberikan kepada yang berpendapatan isi rumah 40 terendah tanpa mengira kaum, latar belakang atau lokasi memalui program pembinaan pendapatan dan keupayaan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

JAWAPAN:

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO'JOHARI BIN ABDUL

[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 8 MAC 2011

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) berapakah luas Tanah Rezab Melayu dalam ukuran ekar di seluruh Semenanjung pada tahun 1957 dan berapa pula keluasannya hingga 2010; dan
- (b) senaraikan keluasan tanah tersebut mengikut negeri.

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat berkenaan keluasan Tanah Rizab Melayu dalam ukuran ekar di seluruh Semenanjung pada tahun 1957. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh pihak Kementerian, keluasan Tanah Rizab Melayu sehingga 31 Disember 2010 ialah berjumlah 7,378,395.89 ekar.
- (b) Keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Negeri	Perlis - 92,290.14 ekar;
Negeri	Kedah - 2,146,900.26 ekar; dan Perak - 354,510.30 ekar;
Negeri	Selangor - 348,889.38 ekar; Sembilan - 30,809.60 ekar;
Negeri	Johor - 99,823.00 ekar;
Negeri	Pahang - 1,069,059.61 ekar; Terengganu - 292.11 ekar; dan
Negeri	Kelantan - 3,233,836.18 ekar;
Negeri	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya - 1,985.32 ekar.
Negeri	Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada Tanah Rizab Melayu di negeri Pulau Pinang dan Melaka.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN:**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

JAWAB LISAN      YB Puan Siti  
Zailah binti Mohd. Yusoff [  
Rantau Panjang ]

**TARIKH**

Selasa, 8 Mac 2011

**SOALAN**

YB Puan Siti Zailah binti Mohd.  
Yusoff [ Rantau Panjang ] minta  
MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan peranan Malaysia dalam  
membantu menyelesaikan krisis di  
Mesir dan apakah perancangan  
penerusan pelajaran pelajar Malaysia  
di Mesir sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk memberikan jawapan secara serentak kepada 27 Pertanyaan-Pertanyaan berkenaan isu yang sama mengenai pemindahan keluar rakyat Malaysia dari Mesir daripada :

- Y.B [Sri Gading] dan Y.B. [Rantau Panjang] bertarikh 8 Mac 2011;
- Y.B. [Lipis], Y.B [Mukah], Y.B. [Cheras], Y.B. [Seremban] dan Y.B. [Sipitang] bertarikh 10 Mac 2011;
- Y.B. [Kulim Bandar Baru] bertarikh 15 Mac 2011;
- Y.B. [Kota Belud] dan [Pendang] bertarikh 16 Mac 2011;
- Y.B. [Hulu Langat] bertarikh 17 Mac 2011;
- Y. B. [Rasah] bertarikh 22 Mac 2011;
- Y.B. [Parit] dan Y.B. [Tenom] bertarikh 23 Mac 2011;
- Y.B. [Kubang Kerian], Y.B. [Padang Terap] dan Y.B. [Balik Pulau] bertarikh 24 Mac 2011;
- Y.B. [Baling], Y.B. [Wangsa Maju] dan Y.B. [Hulu Rajang] bertarikh 30 Mac 2011;
- Y.B. [Hulu Terengganu], Y.B. [Petaling Jaya Selatan] dan Y.B. [Bachok] bertarikh 31 Mac 2011;
- Y.B. [Maran] bertarikh 4 April 2011;
- Y.B. [Indera Mahkota] dan Y.B. [Tumpat] bertarikh 5 April 2011;
- Y.B. [Setiu] bertarikh 6 April 2011.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik telah berlaku di beberapa negara di rantau Afrika Utara termasuk di Mesir. Pergolakan politik di Mesir yang bermula pada 25 Januari 2011 telah semakin meruncing pada 28 Januari 2011, yang menyaksikan kebangkitan rakyat Mesir menentang pemerintahan Presiden Hosni Mubarak. Susulan dari itu, Kementerian Luar Negeri telah mengaktifkan Jawatankuasa Khas Petugas Pengurusan Krisis Kementerian Luar Negeri dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Bilik Operasi Krisis Kementerian yang beroperasi 24 jam juga telah dibuka pada hari yang sama. Beberapa siri mesyuarat di peringkat Kementerian, dan juga di peringkat agensi-agensi Kerajaan yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) melibatkan Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan serta Jabatan Perdana Menteri telah diadakan bagi membincangkan krisis di Mesir dan implikasinya terhadap rakyat Malaysia di sana.

4. Hasil mesyuarat yang dipengerusikan oleh MKN mendapati krisis tersebut adalah serius dan boleh mengancam keselamatan rakyat Malaysia yang kebanyakannya terdiri dari para pelajar. Sehubungan itu, Y.A.B. Perdana Menteri telah menghantar Setiausaha Politik beliau untuk menyertai satu delegasi seramai empat (4) orang pegawai kanan Kerajaan yang diketuai oleh Y.B.

Timbalan Menteri Luar Negeri ke Kaherah pada 31 Januari 2011 bagi menilai situasi sebenar di Mesir, dan memuktamadkan rancangan pemindahan keluar rakyat Malaysia. Memandangkan tahap krisis yang begitu serius, Y.A.B. Perdana Menteri turut mengarahkan Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom, pergi ke Kaherah bagi tujuan yang sama.

5. Demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia terjamin, Y.A.B. Perdana Menteri telah membuat keputusan pada 1 Februari 2011 untuk memindahkan keluar semua rakyat Malaysia termasuk pelajar-pelajar persendirian di Mesir ke Jeddah, Arab Saudi. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada syor daripada pasukan yang dihantar ke Kaherah. Tindakan serta-merta turut diambil untuk mendapatkan kelulusan penerangan dan pendaratan di beberapa negara termasuk Mesir dan Arab Saudi.

6. Hubungan akrab yang terjalin antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Arab Saudi selaku Pemangku Raja telah berjaya mendapatkan kerjasama Kerajaan Arab Saudi bagi menggunakan Jeddah sebagai pusat transit bagi rakyat Malaysia. Kerajaan Arab Saudi juga telah memberikan kelulusan khas kepada semua rakyat Malaysia yang dipindahkan dari Mesir untuk masuk ke Jeddah.

7. Setelah mendapat kelulusan dari pihak Mesir dan Arab Saudi, masing-masing pada 2 dan 3 Februari 2011, operasi pemindahan yang terbesar ini dimulakan dengan segera. Ia melibatkan pemindahan keseluruhan seramai 7,746 orang rakyat Malaysia dengan tiga pesawat C-130 Tentera Udara DiRaja

Malaysia (TUDM), sebuah pesawat sewa khas Penerbangan Malaysia (MAS) dan dua buah pesawat sewa khas Air Asia. Pemindahan ini melibatkan dua fasa, iaitu fasa pertama dari sektor Iskandariah/Kaherah ke Jeddah (3-7 Februari 2011) dan fasa kedua dari sektor Jeddah ke Kuala Lumpur (6-14 Februari 2011). Kesemua rakyat Malaysia yang dipindahkan ke Arab Saudi telah ditempatkan di Kompleks Tabung Haji di Madinatul Hajjaj, Jeddah sebelum dihantar balik ke Malaysia secara berperingkat mulai 6 Februari 2011.

Tuan Yang di-Pertua

8. Ketibaan kumpulan pertama rakyat Malaysia yang dipindahkan dari Mesir melalui Jeddah pada 7 Februari 2011 telah disambut oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet yang lain, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri. Semasa sambutan tersebut, Y.A.B. Perdana Menteri telah menekankan keputusan Kerajaan untuk memindah keluar rakyat Malaysia dari Mesir sejajar dengan komitmen dan tanggungjawab kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia terbela selaras dengan konsep 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

9. Y.A.B. Perdana Menteri juga telah menyatakan kejayaan konsep dengan izin, *Public-Private Partnership* yang diketengahkan oleh Kerajaan dalam menghadapi krisis di mana aset Kerajaan dan pihak swasta digembelingkan dalam proses pemindahan rakyat Malaysia dari Mesir. Beliau juga telah menyampaikan penghargaan Kerajaan kepada pihak MAS, Air Asia dan Tabung Haji yang sanggup menghulurkan bantuan

semasa krisis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Adalah dianggarkan kos keseluruhan bagi operasi pemindahan rakyat Malaysia dari Mesir menjangkau RM50 juta. Ini termasuk kos operasi tiga pesawat C-130 TUDM, pesawat khas MAS dan Air Asia, tambang untuk pelajar Malaysia dari Jeddah dan tempat-tempat lain dengan menggunakan pesawat komersial, dan juga pembiayaan makan minum dan tempat tinggal rakyat Malaysia di Jeddah dengan kerjasama pihak Tabung Haji.

11. Memandangkan keadaan di Mesir telah kembali pulih dan sesi pengajian di universiti-universiti akan bermula pada pertengahan bulan Mac 2011, Kerajaan telah bersetuju untuk menghantar kembali semua pelajar Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka di sana. Bagi meringankan beban kewangan kepada ibu bapa untuk menghantar kembali anak-anak mereka ke Mesir, Kerajaan telah mendapatkan kerjasama daripada semua Kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi penaja yang terlibat untuk membiayai kos penghantaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Malaysia berpandangan bahawa pergolakan politik yang berlaku di negara-negara Timur Tengah dan Afrika Utara antara lain adalah disebabkan oleh masalah politik dan sosio-ekonomi dalaman akibat dari peningkatan kadar pengangguran, kemiskinan, kadar inflasi yang tinggi serta ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara. Keadaan ini amat berlainan dengan

situasi di Malaysia.

13. Mengenai hubungan dua hala dengan Mesir, Malaysia akan terus menjalin hubungan diplomatik dengan negara berkenaan di dalam usaha memelihara kepentingan politik dan ekonomi negara serta menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di sana.

#### KESAN TERHADAP EKONOMI MALAYSIA

14. Pergolakan politik di Afrika Utara dan Timur Tengah sekiranya berlanjutan akan memberi kesan ke atas ekonomi Malaysia dan dunia akibat daripada kenaikan harga petroleum di pasaran global. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus memantau keadaan di rantau tersebut untuk memastikan kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi terjamin.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Kerajaan ingin merakamkan penghargaan khususnya kepada Baginda Raja Abdullah Bin Abdul Aziz Al Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Kerajaan Arab Saudi di atas kesudian membenarkan Malaysia menggunakan Jeddah sebagai pusat transit, dan menaja dua (2) buah pesawat Saudi Air bagi proses pemindahan rakyat Malaysia dari Jeddah ke Kuala Lumpur.

16. Kementerian Luar Negeri ingin juga merakamkan penghargaan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Pertahanan, Tabung Haji, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perdana Menteri, pelbagai agensi Kerajaan, Kelab Putera 1 Malaysia dan pihak media di atas kerjasama dan komitmen dalam

menjayakan operasi ini. Kerajaan Malaysia juga berbesar hati kepada MAS yang diterajui Y.Bhg Tengku Datuk Azmil Zahruddin dan Air Asia yang diterajui Y.Bhg Datuk Seri Tony Fernandes yang telah menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam operasi tersebut. Saya juga telah dimaklumkan oleh Datuk Seri Tony Fernandes bahawa Air Asia telah bersetuju untuk menanggung segala kos operasinya. Tidak lupa juga peranan yang dimainkan oleh penjawat awam Wisma Putra, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Riyadh serta Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah di atas komitmen jitu mereka dalam memastikan keselamatan rakyat Malaysia terjamin.

Sekian, terima kasih.

L3

No. SOALAN: j64<sup>a</sup>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN

DARIPADA YB Puan Teo Nie Ching [  
TARIKH LISAN Serdang ]  
8 MAC 2011 ( SELASA)

SOALAN Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan kos untuk mengirim email dan sms ucapan salam  
Tahun Baru Cina daripada keluarga Perdana Menteri kepada rakyat dan bagaimana  
kerajaan pusat mendapat email dan nombor telefon bimbit tersebut. Sama ada tindak  
laku sebegini telah mencabuli hak privasi rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Inisiatif penyampaian mesej perayaan Tahun Baru Cina YAB Perdana Menteri pada  
tahun ini kepada rakyat Malaysia yang menyambut perayaan tersebut menggunakan  
perkhidmatan pesanan ringkas SMS & e-mel adalah sebahagian dari usaha berterusan  
pentadbiran ini bagi mengukuhkan perpaduan nasional serta memelihara hubungan  
rapat rakyat dan kerajaan selaras dengan gagasan pemandu “1 Malaysia Rakyat  
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Inisiatif ini membolehkan ini telah  
membolehkan beliau selaku Ketua Kerajaan dapat secara langsung berkongsi  
kegembiraan dengan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum yang meraikan perayaan  
masing-masing dengan menggunakan perantaraan media yang bersifat popular dan  
meluas.

1. Perantara dan Pengkalan Data

(a) SMS

Ucapan ringkas peribadi YAB Perdana Menteri telah dihantar kepada empat  
juta (4,000,000) rakyat Malaysia dengan kerjasama daripada tiga (3) syarikat  
telekomunikasi utama seperti yang berikut:

- (i) Digi.Com Berhad



- (ii) Maxis Berhad
- (iii) Celcom Berhad

Tiada sebarang kos yang dikenakan oleh ketiga-tiga syarikat yang tersebut diatas. Ucapan YAB Perdana Menteri disebarluaskan dalam rangka memenuhi tanggungjawab sosial syarikat.

Mesej yang telah dirangka telah dihantar terus kepada ketiga-tiga syarikat telekomunikasi untuk sebaran. Pihak Pejabat Perdana Menteri telah memastikan prinsip perlindungan maklumat peribadi dipatuhi tanpa kecuali disamping terma dan syarat syarikat telekomunikasi dihormati sepenuhnya, ingin ditegaskan bahawa pada sebarang masa dan pada setiap tahap proses penghantaran mesej ini Pejabat Perdana Menteri tidak sesekali pernah mempunyai akses kepada sebarang maklumat yang bersifat peribadi kepada penerima.

(b) Email

Ucapan peribadi YAB Perdana telah dihantar kepada sejuta dua ratus lima puluh lima ribu lima ratus dua puluh lapan (1,255,528) penerima rakyat Malaysia. Alamat email ini telah dikumpulkan melalui tiga (3) pengkalan data seperti yang tersebut dibawah :

- (i) Media Prima Berhad
- (ii) Kementerian Pengajian Tinggi
- (iii) Laman web peribadi YAB Perdana Menteri [www.1Malaysia.com.mv](http://www.1Malaysia.com.mv)

Kos yang dikenakan adalah berjumlah Ringgit Malaysia Lima Sen (RM0.05) setiap satu email. Dengan kos yang begitu minima menggunakan cara ini YAB Perdana Menteri telah dapat mendekati lebih sejuta rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama. Ucapan ini adalah sama seperti ucapan yang dihantar melalui kad ucapan konvensional.

Bagi menghormati prinsip perlindungan maklumat peribadi dan terma dan syarat ketiga-

tiga pengkalan data, YAB Perdana Menteri tidak mempunyai akses kepada data-data peribadi. Kesemua email telah dihantar setelah kesemua syarat dan terma diteliti dengan sepenuhnya dari ketiga-tiga pengkalan data untuk memastikan prinsip perlindungan peribadi tidak dilanggar.

Dibawah adalah syarat “Berkongsi Data Dengan Pihak Ketiga” untuk pengkalan data bagi Media Prima Berhad:

- o Data peribadi tidak boleh dijual, disewa atau dikongsikan dengan pihak ketiga selain yang tertera di dalam Polisi Privasi o Media Prima Berhad Berhak , jika perlu, menggunakan data peribadi (termasuk alamat email dan nombor telefon) untuk berkongsi maklumat yang berkenaan dengan produk, servis atau promosi dari pihak Media Prima Berhad dan pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu

Adalah jelas seperti yang tersebut diatas, ucapan Selamat Tahun baru Cina YAB Perdana Menteri tidak melanggar sebarang Polisi Privasi syarikat. Didalam konteks ini, YAB Perdana Menteri telah diklasifikasikan sebagai “pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu”.



## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA** **PERTANYAAN**

**DARIPADA** YB. Tuan Mohsin Fadzli bin LISAN Haji Samsuri [ Bagan Serai ]

**TARIKH** 08.03.2011 (Selasa)

**NO. SOALAN** 66

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]  
minta SVIENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
DAN INDUSTRI menyatakan berapakah nilai perdagangan  
melalui halal hub sehingga kini.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Halal Industry Development Corporation (HDC) merupakan agensi utama Kerajaan yang berperanan bagi menggatak dan menyelaras pembangunan Industri Halal termasuk menarik pelaburan ke Taman-taman Halal atau *Halal Hub* di Malaysia.

**Untuk makluman, Taman-Taman Halal ini dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau swasta. Pada masa ini, sejumlah 20 Taman Halal telah berjaya diwujudkan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 Taman Halal telah beroperasi iaitu:**

- (1) Selangor Halal Hub, Pulau Indah;**
- (2) PKFZ Halal Flagship Zone, Pulau Indah;**
- (3) Melaka Halal Hub, Serkam;**
- (4) Pedas Halal Park, Negeri Sembilan;**
- (5) Tanjung Manis Halal Hub, Sarawak;**
- (6) techpark@enstek, Nilai, Negeri Sembilan;**
- (7) Pengkalan Chepa Halal Food Park, Kelantan; dan**
- (8) Penang International Halal Hub.**

**Taman-taman Halal yang lain masih lagi dalam proses perancangan atau di peringkat pembangunan.**

**Berdasarkan perangkaan terkini Jabatan Perangkaan, yang diperolehi melalui sistem *e-declaration* bagi tempoh Januari hingga Jun 2010, anggaran perdagangan halal Malaysia ialah RM12.5 billion. Nilai eksport produk halal adalah berjumlah RM 10.33 billion. RM26 juta**

**daripada nilai perdagangan tersebut adalah melalui salah sebuah syarikat di Selangor Halal Hub, Pulau Indah. Syarikat ini sedang giat menjalankan perdagangan produk halal manakala syarikat-syarikat lain masih dalam proses irtemulakan operasi.**



**NO. AUM :#1  
NO. AUP : 4f**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**

DARIPADA	YB TAIB AZAMUDDEN B. MD TAIB [ BALING ] LISAN
TARIKH	8 MAC 2011
RUJUKAN	3339

**SOALAN:**

Dato Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [ Baling ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Dasar Penapisan dan Filem dan Drama Televisyen yang mutakhir banyak menayangkan filem drama bercorak mistik, khurafat dan amalan berunsur syirik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, proses tontontapis filem dan drama yang dilaksanakan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) adalah mengikuti Garis Panduan Penapisan Filem yang telah ditetapkan dan selaras dengan kehendak Akta Penapisan Filem 2002.

Mengikut garis panduan tersebut, filem dan drama yang berunsur mitos atau dongeng semata-mata tanpa melibatkan agama Islam adalah dibenarkan dan akan mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem. Lembaga Penapis Filem juga sentiasa bekerjasama dengan pihak JAKIM untuk meneliti perkara ini dari semasa ke semasa.

Sekiranya sesuatu filem dan drama yang berdasarkan kepada mitos atau dongeng yang melibatkan agama Islam, maka filem tersebut tidak akan diluluskan untuk tayangan televisyen.

Walau bagaimanapun, mengikut statistik filem dan drama yang telah ditontontapis pada tahun 2010, cuma terdapat 28 filem dan drama yang berunsur mitos dan dongeng daripada jumlah penapisan yang dibuat sebanyak 33,489.

**Soalan No : 66**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. DATO* NGEH KOO HAM (BERUAS)
TARIKH	08.03.2011

**SOALAN :**

Y.B. DATO\* NGEH KOO HAM [ BERUAS ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa murid-murid darjah enam tahun ini yang sudah mempelajari Matematik dan Sains sejak darjah satu dalam bahasa Inggeris akan diperlukan mempelajari mata pelajaran-mata pelajaran tersebut dalam bahasa Melayu mulai tahun depan. Adakah Kementerian bersedia menukar keputusan yang tidak masuk akal ini

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap implikasi perubahan dasar PPSMI khususnya kepada kohort murid yang terlibat dengan pelaksanaan PPSMI sejak Tahun 2003. Sehubungan itu, pendekatan *soft landing* telah dilaksanakan kepada murid-murid tersebut. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pencapaian akademik murid tersebut tidak terjejas. Untuk tujuan tersebut, pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan akan dilaksanakan dalam dwi bahasa sehingga kohort terakhir PPSMI tamat pada tahun 2015.

NO. AUM NO.

AUP :rr

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR HIEW KING CHEU

[ KOTA KINABALU ]

TARIKH 8 MAC 2011

RUJUKAN 3340

**SOALAN:**

Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah apa-apa program pengubahsuaian dijalankan untuk keselamatan bangunan dan tempat tinggal kakitangan di Ibu Pejabat Polis Karamunsing Kota Kinabalu. Jika ya, bilakah kerja akan dimulakan.

Tuan Yang Di Pertua,

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menambah baik bangunan kediaman di IPD Kota Kinabalu (Karamunsing). Namun disebabkan oleh kekangan peruntukan,maka kerja-kerja pembaikan ini hanya dapat dijalankan secara berperingkat-peringkat. Peruntukan akan disalurkan mengikut keperluan yang wujud pada ketika itu.

### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN TEE BENG  
(NIBONG TEBAL)

TARIKH : 08.03.2011  
(SELASA)

#### SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos sepenuhnya bagi pembelian enam buah Offshore Patrol Vessel (OPV) yang siap sepenuhnya hampir sepuluh tahun selepas dipesan oleh Kementerian Pertahanan dan daripada kos tersebut berapakah kos tambahan susulan kegagalan pembekal pertama untuk menyiapkan OPV tersebut mengikut kontrak.

#### JAWAPAN:

NO SOALAN: 68

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan pembelian enam buah *Patrol Vessel (PV)* adalah bernilai RM6.75 bilion. Daripada jumlah tersebut, kos tambahan yang telah disediakan adalah sebanyak RM1.4 bilion. Tambahan tersebut diperlukan bagi menampung perkara-perkara berikut:

- a. Pemberhentian kerja pembinaan pada 2006 mengakibatkan pembekal-pembekal luar Negara turut memberhentikan kerja mereka dan bagi meneruskannya semula, mereka telah mengenakan kos tambahan dan penalti.



- b. **Penjadualan semula tarikh penyerahan asal PV daripada 2007 kepada 2010 telah meningkatkan harga peralatan kapal.**
- c. **Selain itu, harga bahan mentah terutamanya harga besi dan kos buruh meningkat akibat perlanjutan tempoh penyerahan PV; dan**
- d. **Peningkatan mendadak dalam kadar tukaran matawang EURO iaitu sebanyak 30% dalam tempoh 2000 hingga 2007.**

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTAMAN  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [ KULIM  
BANDAR BARU ]

TARIKH 8 MAC 2011 [SELASA]

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan

- (a) sila berikan butiran terperinci nama tiap GLC dan syarikat-syarikat (awam / persendirian) dan jumlah zakat yang dikeluarkan mereka bagi tahun 2005-2010; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengusul kepada Majlis Raja-Raja supaya mewujudkan satu Lembaga Zakat Korporat untuk mengumpul kutipan zakat korporat ini dan diurus oleh sebuah agensi Persekutuan.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Bagi Wilayah Persekutuan, jumlah GLC yang membayar zakat melalui Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dari tahun 2005 sehingga 2010 adalah sebanyak 17 buah yang berjumlah RM41.54 juta. Bagi negeri-negeri yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah membuat rujukan terus mengenainya di Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.
- b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusan hal-ehwal agama Islam (termasuk kutipan dan agihan dana zakat) menurut Jadual Kesembilan, Senarai Kedua, Perlembagaan Malaysia, adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Justeru itu, buat masa sekarang pengurusan zakat masih diuruskan oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.

Sekian, terima kasih.



NO. AUM NO.

AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]

TARIKH 8 MAC 2011

RUJUKAN 3332

**SOALAN:**

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) ju  
mlah kes membunuh diri dari tahun 2001 hingga 2010 dengan memberikan angka setiap tahun dan punca kejadiannya; dan

(b) ter  
dapat berapa buah badan NGO yang berusaha untuk mencegah

## JAWAPAN

kejadian ini.

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), kes bunuh diri dikategorikan sebagai kes mati mengejut (*sudden death report*). Sejak tahun 2001 sehingga 2010, jumlah kes bunuh diri yang telah dilaporkan adalah sebanyak 4,118 kes dan pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

	<b>off..u m</b>
2001	365
2002	462
2003	458
2004	441
2005	457
2006	427
2007	389
2008	395
2009	354
2010	370
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>5£ _ f; y'4*,i 1&amp; kes ' _ ' "i</b>

Antara faktor-faktor yang sering dikaitkan dengan kes bunuh diri adalah seperti berikut:

- (i) tekanan perasaan akibat kegagalan dalam hidup, masalah

- keluarga, kematian orang tersayang dan sebagainya;
- (ii) mengalami penyakit jiwa seperti kemurungan dan trauma;
  - (iii) terlibat dengan jenayah (bagi mengelak hukuman);
  - (iv) terlibat dengan dadah;
  - (v) mengalami masalah kewangan yang kritikal seperti menanggung hutang yang banyak dan terlibat dengan judi; dan
  - (vi) menghidap penyakit yang tidak dapat dirawat.

*Tuan Yang Dipertua,*

Bagi menjawab soalan (b) pula, memang terdapat beberapa NGO yang berusaha menangani dan mencegah kejadian bunuh diri. Usaha ini dilakukan melalui program-program seperti khidmat kaunseling, ceramah, bengkel dan seminar mengenai kemahiran kaunseling dan pencegahan bunuh diri serta kempen kesedaran mengenai kesihatan mental.

